

Jilid II
Bil. 17



MALAYSIA

Hari Rabu
14hb Februari, 1973

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1461]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 (13hb Februari, 1973) [Ruangan 1476]

USUL:

Ucapan Penangguhan—Universiti—Membanyakkan [Ruangan 1530]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Rabu, 14hb Februari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., P.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor.)

- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
 „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
 „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
 „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
 „ TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).
 „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
 „ Tuan G. LOUIS (Dilantik).
 „ DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kedah).
 „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
 „ AWANG DAUD MATUSIN (Dilantik).
 „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
 „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P. Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
 „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
 „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Perak).
 „ Datuk Temenggong Oyong Lawai Jau, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
 „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
 „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
 „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
 „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
 „ DATUK S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
 „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
 „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
 „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
 „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIADA HADIR :

- Yang Berhormat DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
 „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
 „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
 „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
 „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
 „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
 „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y. M. TENGGU RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

ORDINAN LALULINTAS JALANRAYA

1. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Perhubungan menyatakan samada menjadi suatu kesalahan di bawah Ordinan Lalulintas Jalanraya bagi seseorang penunggang basikal menaiki basikal di waktu malam tanpa sebarang lampu samada di hadapan atau di belakang basikalnya, jika ya, samada Ordinan ini masih dikuatkuasakan lagi, dan apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk melaksanakan Ordinan ini misalnya memeriksa basikal-basikal samada dilengkapi dengan lampu dan reflektor yang sesuai dan lain-lain alat keperluan sebelum lesen-lesen dibaharui, supaya bilangan kemalangan jalanraya yang melibatkan penunggang-penunggang basikal di waktu malam dapat dikurangkan.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua, ya. Peraturan-peraturan itu masih dikuatkuasakan.

Di Malaysia Barat basikal-basikal tidak didaftarkan, melainkan di setengah-setengah kawasan pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Bandaran Pulau Pinang dan Majlis

Perbandaran Melaka. Di kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan ini pendaftaran basikal hanya dilakukan sekali sahaja dan pembaharuan lesen tahunan tidak diperlukan.

Walaupun bagaimanapun, pihak Polis sentiasa menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan ke atas basikal-basikal berpandukan Peraturan-peraturan Lalulintas Jalan. Dalam tahun 1972 tindakan kuatkuasa telah diambil ke atas 12,564 basikal.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya selalu melawat luar bandar, saya dapati banyak penunggang basikal yang tidak memakai lampu. Tidakkah boleh Kerajaan memberitahu kepada penduduk-penduduk luar bandar yang menunggang basikal itu memasang lampu, kalau tidak merbahaya?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, seperti yang telah saya jawab tadi, Peraturan-peraturan itu masih dikuatkuasakan, dan kita akan menimbang cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Abdullah bin Datuk Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di Pertua, kalau sungguh tindakan telah diambil atas penunggang-penunggang basikal yang tidak berlampu itu, kenapakah tiap-tiap kali saya balik melalui kampung, saya nampak tidak ada satu pun penunggang basikal yang berlampu?

Tuan Lee San Choon: Jika penunggang-penunggang basikal itu tidak berlampu bermakna mereka itu salah. Saya harap

kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat itu melapurkan dan beri nasihat penunggang basikal itu.

PEGAWAI-PEGAWAI URUSAN CINA

2. Tuan Yeap Kheng Yam minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan pegawai-pegawai Urusan Cina di negara ini, dan samada mereka boleh dilantik menjadi Penolong Pegawai-pegawai Daerah di tempat-tempat mereka masing-masing.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, jumlah bilangan pegawai-pegawai Urusan Cina yang ada sekarang ialah 50 orang. 21 Pegawai Urusan Cina dan 29 Penolong Pegawai Urusan Cina. Jawatan Establishment, Penolong Pegawai Daerah dan jawatan Pegawai Urusan Cina adalah dua jawatan yang berlainan, masing-masing juga mempunyai Sekim-sekim Perkhidmatan yang berlainan. Oleh yang demikian, Pegawai Urusan Cina tidaklah boleh dilantik ke jawatan-jawatan Penolong Pegawai Daerah.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Memandang kepada perubahan dalam dasar Kerajaan tentang perpaduan negara dan sebagainya, tidakkah Kerajaan memikirkan perlu dihapuskan terus jawatan Pegawai Urusan Cina, kerana kita tidak perlu lagi kepada pegawai menjaga kaum-kaum sebagaimana dibuat masa penjajah dahulu. Adakah sebarang cadangan untuk menghapuskan langsung jawatan ini daripada jawatan Kerajaan?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, perkara ini adalah mengambil masa dan akan dijalankan tatkala perkara ini dibereskan maka perkara ini akan ditimbang.

Dr Mahathir bin Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Dahulu di zaman penjajah ada juga Pegawai Urusan Cina ini terdiri daripada orang Inggeris. Adakah pada masa sekarang ini Pegawai-pegawai ini terdiri daripada orang lain daripada orang Cina?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Perkaranya ini, buat sementara ini, saya difahamkan tidak ada pegawai lain, melainkan orang Cina.

Datuk S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di Pertua, di zaman penjajah dahulu ada satu bahagian yang bernama Pelindung Kaum Buruh India (Protector of Indian Labour), betulkah Bahagian ini sudah dihapuskan?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Itu soalan lain, saya minta notis.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Di dalam masa penjajah dahulu ada pegawai yang dinamakan Pegawai Melayu (Malay Officer). Adakah pegawai ini sekarang sudah ditiadakan dan diganti dengan pegawai lain?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Itu soalan lain.

Tuan Yang di Pertua: Soalan itu tidak ada sangkut-paut dengan pegawai tadi.

GURU SEMENTARA—KURSUS LATIHAN PERGURUAN

3. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah Kementerian ini akan mengadakan kursus latihan perguruan kepada semua guru sementara di dalam tiga tahun yang akan datang untuk membolehkan mereka menjadi guru-guru terlatih dan tetap;
- (b) adakah Kementerian ini setelah berunding dengan Kementerian Perhubungan akan membenarkan semua sekolah-sekolah bantuan Kerajaan di seluruh negara menghantar surat-surat rasmi dengan menggunakan sampul-sampul surat Urusan Kerajaan dan jika tidak, mengapa; dan
- (c) adakah perlu diadakan peperiksaan penilaian darjah III dalam tahun 1973 seperti yang dicadangkan oleh Kementerian ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Kementerian Pelajaran tidak bercadang hendak memberi latihan kepada semua guru-guru sementara dalam tiga tahun yang akan datang untuk membolehkan mereka menjadi guru-guru terlatih dan tetap. Antara sebab-sebab yang penting ialah pertama, guru-guru sementara yang diambil berkhidmat adalah untuk menampung kekurangan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah dari semasa ke semasa. Keperluan bagi guru-guru sementara ini akan berkurangan setahun demi setahun dengan pengeluaran guru-guru terlatih daripada Maktab-maktab Perguruan dan yang telah lulus dalam kursus-kursus dalam perkhidmatan yang dijalankan dalam masa cuti sekolah yang semakin bertambah bilangannya. Kedua, di antara guru-guru sementara itu ada yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki untuk membolehkan mereka diberi latihan, samada di maktab-maktab ataupun menerusi kursus-kursus dalam perkhidmatan yang diadakan dalam masa cuti sekolah. Umpamanya, mereka tidak memiliki kelayakan akademik asas iaitu S.P.M. atau M.C.E.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran akan terus mengadakan kursus-kursus latihan perguruan bagi guru-guru sementara yang mempunyai syarat-syarat yang dikehendaki mengikut keperluan dan kemudahan-kemudahan yang ada.

- (b) Kementerian Pelajaran sedang mengkaji perkara ini.
- (c) Ujian itu perlu diadakan.

Sepertimana yang telah diumumkan oleh Kementerian Pelajaran pada 8hb Februari, yang lepas, tujuan ujian itu ialah untuk mengetahui kecekapan murid-murid di dalam mata-mata-pelajaran bahasa dan Ilmu Hisab, sesudah murid-murid itu belajar selama tiga tahun pertama di dalam sekolah-sekolah rendah. Tiap-tiap ujian itu merupakan ujian punca kelemahan (diagnostic test). Ujian itu akan menentukan kecekapan murid-murid berdasarkan kepada kebolehan yang minima yang diperlukan dari seseorang murid dalam satu-satu mata-pelajaran yang diuji.

Adalah dijangka bahawa murid-murid yang tidak mencapai kebolehan minima ini merupakan murid-murid yang akan ketinggalan di dalam mata-mata-pelajaran itu dalam darjah yang lebih tinggi jika keadaan mereka tidak diperbaiki. Maka dengan ini jelaslah bahawa ujian ini bertujuan mengetahui kelemahan seseorang murid dalam mata-mata-pelajaran yang diuji itu.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Soal guru sementara bukanlah satu perkara yang baharu, bahkan kekurangan guru-guru ini sudah memakan masa hampir-hampir 10 tahun. Bolehkah Kerajaan memberi jaminan sehingga tahun bila tidak ada guru sementara lagi di sekolah-sekolah di negara kita?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Masaalah guru-guru sementara dan pada waktu bilakah guru-guru sementara ini tidak akan ada lagi bergantung kepada keperluan dan tambahan murid-murid sekolah kita. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui, dari setahun ke setahun bilangan murid-murid di sekolah kita bertambah dan oleh kerana hendak menampung atau hendak mengadakan guru-guru di sekolah-sekolah yang bilangannya bertambah atau darjahnya bertambah, dan oleh kerana pada satu-satu masa guru-guru yang berkelayakan dan yang sudah diberi kursus latihan professional, tidak mencukupi maka terpaksa buat sementara waktu Kementerian Pelajaran mengambil guru-guru ini.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, Tidakkah Kementerian Pelajaran sudahpun membuat banciaan, terutama kepada murid-murid darjah satu sehingga tiga tahun ke hadapan mesti mendaftarkan nama pada tahun permulaan? Umpamanya murid akan masuk dalam tahun 1975, tahun ini sudahpun diketahui berapa banyak murid yang masuk dalam tahun-tahun yang berikut. Tidakkah Kementerian Pelajaran boleh membuat satu anggaran penambahan latihan guru itu diperbesar? Dengan jangka itu, kita dapatlah menentukan satu tarikh bahawa dalam persekolahan negara kita tidak akan ada lagi guru sementara kerana setengah bahagian kekurangan, kelemahan murid-murid di dalam negara kita sekarang ini ialah dengan sebab

kekurangan guru-guru yang terlatih. Bolehkah daripada apa yang saya kemukakan tadi, Kementerian Pelajaran boleh membuat satu anggaran pada masa yang akan datang?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, memang Kementerian saya ada angka-angka dan boleh mengagak tambahan-tambahan murid-murid daripada setahun ke setahun, tetapi bagi hendak menyediakan guru-guru itu dan mengadakan guru-guru itu supaya cukup dihantar ke sekolah-sekolah yang bertambah bilangan murid-murid, berkehendakkan persediaan, persiapan dan kemudahan-kemudahan yang lebih daripada yang kita ada pada masa ini. Masalahnya bukanlah kita tidak boleh memandang ke hadapan tambahan bilangan guru-guru yang dikehendaki daripada setahun ke setahun, tetapi kemudahan-kemudahan, persediaan dan maktab-maktab yang ada di negara kita pada waktu ini tidak mencukupi bagi hendak memenuhkan kehendak-kehendak bilangan guru-guru itu. Misalnya, Tuan Yang di Pertua, saya beri contoh di sini. Kita mengetahui ada lebih kurang 600 orang guru-guru sementara yang ada kelayakan, yang boleh diberi kursus perguruan, dan yang 600 ini kita akan memberi kursus dari setahun ke setahun mengikut keupayaan dan persediaan, perkakas dan tempat-tempat di maktab perguruan yang ada pada masa ini. Itu masalahnya, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yeap Kheng Yam: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Memandang bahawa Kementerian Pelajaran perlu mengadakan Peperiksaan Penilaian Darjah III dalam tahun 1973 adalah baik, maka soalan tambahan pertama saya ialah samada Kementerian Pelajaran bersedia akan membatalkan Peperiksaan Penilaian Darjah V yang telah dan sedang diadakan sekarang ini, dengan ditukarkan kepada peperiksaan tersebut dan mengadakan Peperiksaan Penilaian Darjah VI.

Soalan tambahan yang kedua. Kenapa Kementerian Pelajaran akan mengadakan Peperiksaan Darjah I dalam tahun 1973 di sekolah masing-masing yang dipilih itu, di Petaling Jaya yang telah diumumkan di suratkhbar-suratkhbar baharu-baharu ini dan soalan tambahan yang ketiga: Kita nampak ada beberapa Peperiksaan Penilaian yang sedang diadakan di sekolah-sekolah rendah, iaitu Darjah III, Darjah V, yang

dicadangkan sekarang ini bagi Darjah I, dan juga Peperiksaan Masuk—Peperiksaan Sekolah Tahunan, maka bolehkah bagi otak murid-murid yang berumur di bawah 12 tahun memuatkan begitu banyak dan berat atas peperiksaan-peperiksaan sebagai yang tersebut itu?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, pertama sekali, rasa saya, Ahli Yang Berhormat itu ada kesilapan berkenaan dengan Peperiksaan Ujian di Darjah I. Yang saya difahamkan, tidak ada ujian di dalam Darjah I.

Berkenaan dengan pertanyaannya yang kedua, iaitu samada kita akan menghapuskan ujian atau Assessment Examination di Darjah V dan digantikan kepada ujian atau examination di Darjah VI; tujuan mengadakan assessment examination di Darjah V setahun sebelum murid-murid meninggalkan sekolah rendah ialah supaya kelemahan-kelemahan yang didapati daripada keputusan-keputusan Peperiksaan Darjah V dapat diperbetulkan di Darjah VI, iaitu setahun lagi sebelum murid-murid itu pergi ke Tingkatan I. Ujian ini amatlah mustahak.

Berkenaan dengan ujian di Darjah III, saya sudah terangkan maksudnya.

Ujian Darjah V itu ialah ujian sebelum murid-murid kita pergi ke peringkat pengajian sekolah menengah—itu tujuannya.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri bersedia menimbangkan pembukaan balik Pusat Latihan Harian yang telah ditutup di beberapa bandar di negara kita sekarang ini untuk dikaji semula atau dibuat semula tempat latihan guru-guru untuk mengatasi guru-guru sementara yang banyak itu. Sepanjang yang saya difahamkan, calon guru pada tiap-tiap tahun memohon jawatan guru hampir-hampir 15,000 orang setahun, sedangkan kita ambil hanya seribu atau 1,500 orang sahaja pada tiap-tiap tahun. Jadi, calon-calon untuk menjadi guru adalah banyak. Hanya sekarang ini tempat latihan itu sahaja yang kekurangan. Adakah Yang Berhormat Menteri menimbangkan semula Pusat Latihan Harian yang ada di merata tempat, yang telah ditutup dibuka semula dengan tujuan dan maksud sebagaimana yang saya nyatakan tadi.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang saya terangkan masaalah yang dihadapi oleh Kementerian saya pada masa ini ialah berkenaan kekurangan maktab-maktab atau tempat-tempat perguruan. Dalam beberapa tahun dahulu ada beberapa tempat pusat-pusat latihan guru telah ditutup dan ada bangunan-bangunan latihan guru telah digunakan oleh badan-badan yang lain umpamanya di Pulau Pinang. Sebahagian daripada maktab di Pulau Pinang itu digunakan oleh Universiti Sains Malaysia dan di Kuala Lumpur ini bangunan yang digunakan oleh Universiti Kebangsaan ialah Bangunan Latihan Guru Kementerian Pelajaran dan ada juga bangunan-bangunan latihan guru yang telah ditukarkan dan digunakan menjadi sekolah. Masaalah ini adalah dalam pandangan berat Kementerian saya dan di mana bangunan-bangunan yang boleh diambil balik dan dijadikan pusat latihan guru, Kementerian saya mengambil tindakan. Umpamanya di Seremban pada tahun ini, Kementerian saya akan mengambil semula sebuah bangunan latihan guru yang telah digunakan kerana kegunaan yang lain. Kita akan melihat lagi tempat-tempat yang lain yang telah kita gunakan kerana perkara yang lain samada dapat diambil balik ataupun tidak. Ini adalah dalam pandangan Kementerian saya.

Tuan Zainuddin bin Haji Mohd Sidin: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran apakah bezanya guru-guru sementara dengan attachment teacher?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Oleh kerana ini berkenaan dengan melaksanakan syor Suruhanjaya Aziz ini, guru sementara ini, maknanya guru-guru yang akan dijadikan untuk diambil masuk berkhidmat tetap, cuma boleh jadi menunggu prosesnya. Rural Attachment ini boleh dikatakan, kalau saya beri misalannya sama juga maknanya macam guru sementara dahulu. Boleh jadi dia itu diberikan kursus, kalau ada kelayakannya, kalau tidak pun, tidaklah dan boleh jadi dia tinggal sementara, itu yang dikatakan attachment.

Yang sementara ini maknanya sementara akan menjadi kekal, oleh kerana hendak menunggukan proses untuk mengekalkan, hendak menempatkan dia dalam perkhidmatan perguruan.

KUIL SIKH DI JELAPANG, IPOH— BANGUNAN BARU

4. Tuan Yeap Kheng Yam minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah permohonan wang sejumlah \$15,000 yang dibuat beberapa tahun dahulu untuk pembinaan sebuah bangunan baru kuil Sikh di Kampung Baru, Jelapang, Ipoh bagi menggantikan bangunan yang lama yang telah runtuh masih belum lagi diluluskan. (Sila rojok kepada fail Bahagian Penyelarasan, Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran No. J.P.M. 40098 (3)).

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, projek-projek keagamaan seperti ini adalah di biayai daripada Kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Kemasyarakatan dan Kebajikan yang sekarang dikawal oleh Bahagian Penyelarasan, Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri. Semenjak Kumpulan Wang Amanah ini ditubuhkan kedudukan kewangan telah tidak mengizinkan kelulusan ke atas kesemua projek-projek keagamaan yang dipohonkan oleh tiap-tiap negeri. Sesebuah projek adalah diluluskan berasas kepada keutamaan yang telah diberikan kepadanya oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri. Projek bangunan baharu tokong sikh di Kampung Baru Jelapang, Ipoh tidak termasuk di dalam senarai keutamaan bagi Negeri Perak dalam tahun 1972.

Bagi tahun 1973 ianya diberi keutamaan yang ke 29 dalam senarai tokong dan kuil oleh Jawatankuasa Tindakan Negeri Perak ianya akan dapat diluluskan hanya selepas projek-projek yang dahulu daripadanya dilaksanakan.

TENTERA AMERIKA DI THAILAND— PENEMPATAN

5. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap Kerajaan terhadap seruan yang dibuat oleh Kerajaan Singapura supaya diteruskan penempatan tentera-tentera Amerika di Thailand, dan samada Kerajaan memandang perkara ini sebagai suatu ancaman kepada keselamatan Malaysia.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, ini tidaklah boleh dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan Malaysia.

Adalah tidak wajar bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi komen-komen berkenaan dengan kenyataan-kenyataan Perdana Menteri Singapura mengenai negeri yang ketiga. Tetapi, sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu katakan dahulu, selepas Konsep Kawasan Keamanan, Kebebasan dan Perkecualian Asia Tenggara diterima oleh negara-negara yang berkenaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat bahawa pengkalan tentera asing akan dikeluarkan apabila faktor-faktor untuk menjayakan penubuhan Kawasan itu muncul.

Selagi kawasan itu belum ditubuhkan dengan sepenuhnya, peraturan tentera asing yang ada sekarang di negara-negara di dalam Kawasan yang dicadangkan itu bolehlah diteruskan.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Kerajaan kita bersedia menjadi orang tengah ataupun penyelesaian apabila peristiharan dibuat oleh Perdana Menteri Singapura dengan kedudukan tentera Amerika di Thailand yang telah diberi komen oleh Menteri Luar Indonesia yang dalam akhbar telah menyatakan bahawa beliau sendiri akan menanya Perdana Menteri Singapura dalam Persidangan ASEAN baharu-baharu ini. Kalau ini berlaku salah faham, bersediakah Kerajaan kita bagi mendamaikan suasana itu?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, jikalau kes ini hypothetical, saya rasa tidak perlu saya menjawabnya sekarang.

Datuk S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Singapura adalah satu ahli dari Pertubuhan ASEAN, oleh kerana itu pernahkah Singapura berunding dengan Malaysia atas pendapat Singapura akan meneruskan penempatan tentera-tentera Amerika di Thailand. Jikalau tidak, bukanakah ini satu perkara berdasarkan kepada ASEAN?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, perkara-perkara yang boleh dibincangkan ialah di antara ahli perkongsian di dalam Five Power Defence Arrangement dan juga sebagai ahli ASEAN, tetapi ini terpulangnya kepada tiap-tiap sebuah negara

yang memikirkan adakah satu-satu perkara itu perlu diambil ataupun fikiran dari satu-satu negara sahabat tetangga, ini terpulangnya kepada tiap-tiap sebuah negara yang berkenaan.

Dr Mahathir bin Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Mengikut kehendak Kerajaan Malaysia supaya wilayah ini dijadikan satu wilayah yang neutral yang kita berkehendakkan supaya tentera-tentera asing berundur daripada kawasan ini dan Singapura juga berpendapat bahawa satu kawasan neutral ini adalah satu perkara yang baik, tetapi tidakkah Kerajaan berpendapat bahawa dengan Kerajaan Singapura meminta supaya tentera Amerika ditempatkan di Thailand, maka ini bermakna bahawa Kerajaan Singapura tidak menyokong tentang konsep berkecuali ini?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Perkara ini adalah satu perkara yang difikirkan oleh satu Negara lain. Saya rasa, saya telah jawab tadi, perkara ini bukanlah patut bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan komen kerana kita rasa baiklah kita berunding secara persahabatan di dalam satu-satu majlis yang akan diadakan dari satu masa kesatu masa di mana akan dibincangkan perkara-perkara ini. Maka tidaklah perlu saya rasa seperti yang saya jawab iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan pandangan-pandangan atau komen.

PASUKAN-PASUKAN BOMBA

6. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (i) Bilangan pasukan-pasukan bomba yang ada di Malaysia dengan memberikan angka-angka mengikut Negeri;
- (ii) Kriteria bagi menyediakan suatu pasukan bomba bagi sesuatu pekan di luar bandar; dan
- (iii) Samada Pasukan Bomba Bandaraya Kuala Lumpur boleh memadamkan api kebakaran di bangunan-bangunan yang tingginya lebih dari sepuluh tingkat.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua,

(i) (a) Bilangan pasukan-pasukan bomba yang ada di Malaysia Barat mengikut Negeri adalah seperti berikut:

1. Negeri Perlis	...	1
2. Negeri Kedah	...	7
3. Negeri Pulau Pinang	...	9
4. Negeri Perak	...	20
5. Negeri Selangor	...	17
6. Negeri Sembilan	...	8
7. Negeri Melaka	...	5
8. Negeri Johor	...	15
9. Negeri Pahang	...	11
10. Negeri Trengganu	...	5
11. Negeri Kelantan	...	8
		<hr/>
Jumlah Besar	...	106

(b) Bilangan pasukan-pasukan bomba yang ada di Malaysia Timur mengikut negeri adalah seperti berikut:

1. <i>Sabah:</i>			
Kota Kinabalu	1
Sandakan	1
Tawau	1
Labuan	1
Kudat	1
			<hr/>
Jumlah	5
			<hr/>
2. <i>Sarawak:</i>			
Kuching	1
Sibu	1
Miri	1
Lembang	1
Semanggang	1
			<hr/>
Jumlah	5
			<hr/>

(ii) Kriteria bagi menyediakan suatu pasukan bomba bagi sesuatu pekan di luarbandar adalah ditentukan dengan menggunakan sukatan penjenisan kecemasan kebakaran. Lazimnya pekan di luarbandar dikelaskan di bawah sukatan penjenisan kecemasan kebakaran kelas "D"

Keperluan pasukan bomba bagi kelas "D" adalah seperti berikut:

(a) Bilangan Kereta Bomba

(b) Anggaran had masa bagi kesediaan 20 minit.

(iii) Pasukan Bomba Bandaraya Kuala Lumpur boleh memadamkan api kebakaran di bangunan-bangunan yang tingginya lebih daripada sepuluh tingkat.

SENARAI BUKU-BUKU— KELAMBATAN MENGELUARKAN

7. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) sebab-sebab kelambatan mengeluarkan senarai buku-buku yang dirancangan diperingkat pusat oleh Kementerian Pelajaran ini tahun lepas; dan

(b) samada Kementerian ini akan menuhkan satu suruhanjaya penyiasat untuk menyiasat perkara ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua,

(a) Sungguhpun Kementerian Pelajaran telah mengumumkan dahulu bahawa senarai buku-buku teks yang diperakukan akan dikeluarkan pada 1hb September, 1972, senarai tersebut tidak dapat dikeluarkan sehingga 1hb Oktober, 1972. Ini adalah disebabkan bilangan buku-buku yang dihantar oleh penerbit-penerbit diseluruh negara kepada Kementerian untuk dinilai dan seterusnya dimasukkan ke dalam senarai tersebut, adalah lebih banyak daripada yang dijangkakan. Ini telah menyebabkan tugas-tugas menilai menyediakan laporan-laporan dan mencetak butir-butir buku-buku itu ke dalam senarai tidak dapat diselesaikan pada tarikh yang telah ditetapkan. Kesulitan-kesulitan tersebut akan diatasi dan kelambatan mengeluarkan senarai buku-buku itu tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang.

(b) Saya berpuas hati bahawa sebab-sebab kelambatan bagi mengeluarkan Senarai Buku-buku teks itu tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian tidak perlu ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan sedikit apakah sebabnya senarai buku-buku yang dibenarkan untuk digunakan di sekolah-sekolah dikeluarkan berasingan di antara kumpulan penerbit-penerbit swasta dengan kumpulan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, kenapa tidak disatukan. Sebagaimana kita ketahui senarai yang dikeluarkan oleh Kementerian yang mengandungi buku-buku daripada penerbit swasta keluar lebih dahulu dan senarai buku-buku Dewan Bahasa khasnya keluar lebih kurang sebulan kemudian. Ini menyebabkan guru-guru telah membuat pilihan sendiri dan meninggalkan terus buku-buku Dewan Bahasa pada mulanya kerana terlampau lambat untuk digunakan di sekolah-sekolah, cuma dibetulkan kemudian sahaja.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, sebab berlaku keadaan yang begitu ialah kerana senarai buku-buku yang dikeluarkan atau buku-buku yang dicetak oleh Dewan Bahasa itu tidak dapat disiapkan bersama dengan masa senarai buku-buku yang dikeluarkan oleh penerbit-penerbit swasta. Itulah sebabnya ada dua senarai.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Tidakkah terlintas di dalam hati Menteri Pelajaran satu permainan perniagaan di dalam masalah pengeluaran senarai buku-buku itu dan kiranya ada terlintas dalam pemikiran Menteri yang berkenaan, adakah beliau bercadang hendak menyiasat dengan sebenar-benarnya dan sedalam-dalamnya tentang penyelewengan pegawai-pegawai di Kementerian dan juga tentang permainan saudagar-saudagar buku pencetak swasta berkenaan dengan pengeluaran buku-buku itu supaya benda ini benar-benar dapat kita mengetahui apakah yang berlaku sebenarnya di dalam negara kita hari ini?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, masalah buku-buku text ini saya sedar sangat, amatlah mustahak. Sebagaimana yang saya sudah terangkan, saya sendiri menjaga masalah ini dan saya puas hati iaitu pegawai-pegawai yang bertanggungjawab berkenaan dengan buku-buku text di Kementerian saya adalah memuaskan dan tidaklah, rasa saya, ada sebab-sebab yang saya boleh menyangka pegawai-pegawai itu

menyeleweng daripada tujuan-tujuan Kerajaan dan membuatkan kelakuan atau tindakan yang sengaja supaya pihak swasta lebih mendapat faedah daripada Dewan Bahasa. Saya sangat puas hati bagaimana saya katakan tadi dan saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu masalah buku-buku text adalah di dalam pandangan saya sendiri.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (13hb Februari, 1973).

Perbahasan disambung semula.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, menyambung ucapan saya semalam berkenaan dengan sokongan saya kepada Rang Undang-undang Belanjawan tahun ini, maka saya suka mengulangi bagaimana rasa kesedaran yang ada pada kita hari ini tentang kemajuan yang telah didapati daripada Rancangan lima Tahun Kedua yang telah kita lancarkan pada tahun 1971 itu.

Dan pada tahun ini kita akan memasuki tahun yang ketiga iaitu memasuki boleh dikatakan pertengahan lima tahun Rancangan Yang Kedua itu. Saya rasa kita patut mengulangkaji semula kerana kita sudah berjalan semenjak dua tahun yang lepas, maka patutlah kita mengulangkaji tentang kemajuan, kejayaan dan apa juga masalah-masalah yang timbul di dalam perjalanan kita itu. Sebelum kita mengulangkaji tentang perjalanan rancangan Kerajaan dalam masa dua tahun ini, maka lebih dahulu saya rasa perlu saya sebutkan juga tentang kemajuan dari segi politik yang telah kita capai dalam masa dua tahun yang lepas.

Satu-satu Kerajaan tidaklah boleh jadi kuat dan tidak dapat menjayakan rancangannya sekiranya pemerintahannya tidak kukuh dan kuat atau sekiranya politik negara itu tidak stabil atau tidak berjalan dengan baik. Jadi masalah yang pertama yang patut kita puji kepada pimpinan parti yang memerintah iaitu Perikatan hari ini kerana sudah sampai

kepada satu peringkat yang telah dapat kita mengukuhkan kedudukan Kerajaan pada masa ini. Kalau saya bandingkan pada masa tahun 1971 dahulu iaitu pada tahun kita mula merancang lima tahun yang kedua dahulu, banyaklah perkara-perkara yang bangkit, tentangan-tentangan, rintangan-rintangan, teguran-teguran kepada Kerajaan dalam melancarkan rancangan lima tahun yang kedua ini. Bolehlah kita bandingkan seperti peneroka-peneroka di Amerika Syarikat pada masa dahulu, waktu orang-orang Amerika mula-mula hendak mengatur-kan landasan keretapi untuk membuka tanah-tanah di Amerika.

Pada masa mula-mula diaturnya landasan keretapi itu berbagai-bagai puak yang datang menghalang pekerjaan mengatur-kan landasan-landasan keretapi itu. Kalau kita tengok wayang gambar, cerita-cerita sejarah Amerika boleh dikatakan banyak kumpulan-kumpulan Red Indian orang Dayak, daripada berbagai-bagai kaum yang telah menghalang, membakar keretapi, membakar dan menghambat dan membunuh mereka yang mengatur-kan landasan keretapi itu. Pada hal landasan keretapi itu dibuat untuk menyampaikan kemakmuran kepada negara itu tetapi dengan kerana salah faham, dengan kerana tidak mengertinya dasar dan tujuan untuk kemajuan negara itu, maka mereka yang meneroka pertama di Amerika terpaksa menempuh berbagai-bagai halangan, berbagai-bagai rintangan, berbagai-bagai perkara yang menyusah dan nyawa banyak telah hilang pada masa itu. Tetapi apabila negara sudah terbuka, maka rintangan itu makin sehari makin kurang, orang-orang Red Indian sendiri pun sudah masuk berkawan, berbaik dengan orang Amerika, maka negara itu semakin hari semakin maju.

Saya bandingkan itu, kerana seolah-olah Kerajaan kita hari ini, kita telah aturkan rancangan untuk memajukan rakyat negara kita ini, telah aturkan segala landasan keretapi kita untuk hendak menggerakkan kemajuan kita. Tetapi pada masa dahulu saya rasa banyak halangan, banyak rintangan, banyak parti-parti yang membantah dan mencela kita tetapi hari ini Insya Allah boleh katakan sejumlah besar daripada mereka ini telah sedar dan bersama-sama dengan kita untuk memajukan negara kita ini. Dan dengan kesedaran ini, dengan kesedaran politik, dengan kesedaran kepentingan negara ini, maka kita dapat menubuhkan satu Kerajaan

yang kukuh, satu Kerajaan yang kuat cuma tinggal mereka yang dapat kita katakan extremist atau kurang faham ataupun kurang jujur sebagaimana yang ada parti-parti pembangkang terutamanya DAP umpamanya. Mereka ini tidak akan sedar, mereka ini tidak akan faham dan mereka ini akan tertinggalkan begitu sebagaimana kalau di Amerika dahulu Red Indian yang paling ganas sekali itu, dia tinggal di situ, dia nanti mati kelaparan di celah-celah bukit. Tetapi rakyat yang sedar yang maju akan membuka bandar dan negeri.

Saya katakan ini kerana kita telah bergerak maju dalam dunia hari ini dengan kekuatan politik ataupun dengan kekuatan Kerajaan yang ada pada masa ini. Dan kita bolehlah beri tahniah kepada kedua pemimpin besar kita iaitu Tun Abdul Razak dan Tun (Dr) Ismail yang telah dapat berunding dengan hati yang terbuka, dapat mencantumkan berbagai-bagai parti mengukuhkan Kerajaan pada masa itu dan inilah matlamat perpaduan yang sangat baik yang telah kita capai dalam masa kita berjuang untuk menegakkan sebuah negara yang berpadu.

Satu lagi masaalah yang besar dalam Rancangan Lima Tahun Kedua kita ini ialah dasar hendak mengimbangkan di antara orang yang miskin dengan orang yang kaya, hendak mengimbangkan di antara orang Melayu dan bumiputra dengan orang yang bukan bumiputra. Dasar ini timbul ialah kerana kelemahan Bumiputra dalam ekonomi, dalam pengurusan, dalam pemilikan, dalam industri dan sebagainya. Sehingga kepada tahun 1970, kita boleh lihat dalam statistik ataupun dalam perhitungan Kerajaan sendiri orang bumiputra cuma mempunyai 1.5% sahaja dalam pemilikan modal ataupun harta. Manakala orang yang bukan bumiputra berjumlah 22% lebih dan lebih teruk modal yang daripada luar negeri yang bukan bumiputra lebih daripada 60% menguasai negara kita hari ini. Jadi 1% sahaja bumiputra.

Usaha yang dibuat pada hari ini ialah hendak mengimbangkan supaya kekurangan, kelemahan yang ada pada bumiputra itu supaya diperbetulkan dan diperimbangkan dengan pihak-pihak yang lain. Dua dasar inilah dasar yang penting bagi negara kita ini yang telah diatur dalam rancangan lima tahun kedua dan Budget kita hari ini ialah satu budget yang mengikuti Lima Tahun yang kedua ini. Pada tiap-tiap Treasury kita

mengaturkan Budget sesuaikan dengan Rancangan Lima Tahun Kedua. Jadi patutlah kita kaji, setelah dua tahun lepas adakah perpaduan yang ada di dalam negara ini cukup berpadu? Adakah perimbangan kaum ini setelah sampai satu peringkat yang dapat kita kata memberi hasil yang agak sederhana ataupun adakah lagi halangan atau rintangan yang timbul yang boleh melambatkan perjalanan rancangan lima tahun kedua kita ini?

Dalam dasar baharu Kerajaan ini yang utama sekali ialah perpaduan rakyat. Sehingga Kerajaan kita telah menubuhkan satu Kementerian yang dikenal dengan nama Kementerian Perpaduan Negara. Cuba kita kaji berapa banyak aktiviti-aktiviti perpaduan negara yang telah dapat memperpadukan rakyat negara kita ini.

Apakah kerja yang sedang dibuat oleh Kementerian Perpaduan Negara ini selain daripada menggalakkan mereka memakan buah durian semasa musim durian, ataupun memakan rambutan dengan jamu-jamuan semasa itu?

Apakah Kementerian ini buat selain daripada itu yang boleh menyatupadukan rakyat dalam negara kita ini? Yang boleh menjadikan maksud dan tujuan utama negara kita ini berjalan dengan jayanya. Saya jarang sekali dengar berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Kementerian Perpaduan Negara ini. Tetapi kalau kita kaji kedudukan rakyat dalam negara kita ini, saya nampak walaupun dengan cara Kerajaan meletakkan undang-undang, dengan cara Kerajaan mengaturkan dasar baharu dan sebagainya, dalam segi perpaduan saya nampak kita belum mencapai satu matlamat yang dikatakan betul-betul rakyat kita ini berpadu atau betul-betul rakyat ini telahpun bersatupadu.

Makin sehari yang makin saya dengar ialah perasaan-perasaan perkauman dengan secara senyap timbul di berbagai-bagai pejabat, di berbagai-bagai sekolah dan di berbagai-bagai institution. Perasaan kenegetarian, perasaan berkawasan, perasaan berpuak-puak semakin sehari semakin timbul di dalam kalangan masyarakat kita ini.

Saya rasa, patut Kementerian Perpaduan Negara ini mengambil satu inisiatif yang betul-betul bersungguh-sungguh menyelidik bagaimana perasaan yang seumpama ini timbul di kalangan pemuda umpamanya, di

kalangan pekerja umpamanya, di kalangan pemimpin umpamanya ataupun di kalangan pengurusan umpamanya. Kadang-kala kita dapat dengar pemuda UMNO hendak menyiasat Jabatan E.P.F. kerana tidak ada orang Melayu yang bekerja cukup yang dikatakan bersimbang dengan kaum-kaum yang ada. Dan oleh kerana Pemuda UMNO hendak menyiasat, Ketuanya (Pengurus, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) kata tidak boleh menyiasat dan statement kemudiannya kita akan masukkan orang Melayu seberapa banyak supaya dapat persimbangan itu berjalan. Jadi bermakna ada perasaan perkauman yang timbul di Jabatan-jabatan Kerajaan yang mana kita tidak dapat lihat dengan mata secara terang tetapi benda itu berjalan dengan secara halus dengan tidak disedari oleh mana-mana pihak yang berkuasa dalam negara kita ini.

Umpamanya Menteri kita buat satu serbuan melihat kilang kain Indian/Malaysia Textiles Berhad di Seberang Prai yang ada modal Kerajaan masuk sama modal yang dibantu oleh institution Kerajaan tetapi pekerjanya orang Melayu pun tidak berapa kerat, orang Cina pun tidak berapa kerat, yang ramai orang India kerana kilang itu ditadbirkan dan diusahakan oleh orang India, jadi kaum India sahaja yang bekerja.

Ini adalah timbul ataupun ini adalah satu daripada tanda-tanda masih kuat benih-benih perkauman yang ada di dalam pengurusan-pengurusan, yang ada di dalam pentadbiran-pentadbiran Kerajaan, yang ada pada masa ini yang patut Kementerian Perpaduan Negara mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memperbaikinya, kerana perasaan inilah yang boleh merosakkan lancarnya perjalanan Rancangan Lima Tahun Kedua kita ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mencadangkan supaya Kementerian Perpaduan Negara ini memikirkan dengan teliti tentang kedudukan pembahagian hak milik dan kekayaan negara kita ini, kerana dengan kedudukan hak milik dan pembahagian kekayaan negara yang tidak berseimbang inilah yang boleh menimbulkan perasaan-perasaan yang tidak berpadunya rakyat dalam negara kita ini.

Yang kedua, saya perlu meminta Kementerian ini supaya mengawasi segala pejabat, segala kilang yang ada dalam negara ini dan berusaha seberapa yang dapat supaya dapat diperbaiki perasaan-perasaan yang ada di

dalam kalangan pekerja-pekerja dan pengurusan-pengurusan itu.

Selain daripada itu, saya juga perlu meminta Kementerian ini supaya berhubung rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak supaya perpaduan negara yang dimaksudkan itu bukan sahaja di Malaysia Barat ini, perpaduan negara yang kita mahukan itu ialah keseluruhannya di Malaysia Barat dan juga di Malaysia Timur supaya tidak ada perasaan yang berbeza di antara mereka yang duduk di Sarawak umpamanya dengan mereka yang ada di Malaysia Barat ini supaya perasaan itu menjadi perasaan satu dan kokoh dalam sebuah negara yang satu.

Inilah pandangan saya kepada Kementerian Perpaduan Negara bagi melaksanakan dasar utama Kerajaan dalam masaalah menyatupadukan dan menubuhkan sebuah negara yang kukuh di zaman yang baharu ini.

Masaalah yang kedua, dalam dasar baharu Kerajaan ini ialah masaalah perimbangan dalam segi ekonomi, dalam segi perdagangan, dalam segi perindustrian dan juga dalam segi pemilikan.

Orang Melayu ataupun bumiputra yang lain sangatlah lemah dan sangatlah kekurangan di dalam segi ekonomi. Kerajaan telah meletakkan satu dasar untuk membantu orang Melayu ini supaya bangkit dan seimbang dengan kaum-kaum lain dalam negara ini. Dengan tujuan ini, Kerajaan telah menubuhkan perbadanan-perbadanan. Perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan cukup banyak. Perbadanan MARA, Perbadanan PERNAS, Bank Bumiputra, MARDI, M.R.D.C., RISDA, berbagai-bagai perbadanan-perbadanan yang kalau hendak disenaraikan, saya rasa, satu muka penuh dengan nama badan-badan ini sahaja sehingga ada kaum-kaum lain yang memikirkan dengan badan-badan ini, maka orang Melayu telah kaya, bumiputra lain sudah naik menjadi tycoon-tycoon yang agak sudah cukup stabil dan menjadi kaum kapitalis Melayu yang kuat dalam negara kita ini. Inilah salah faham yang ada di dalam perasaan dan hati mereka yang memerhatikan, yang membaca, yang mendengar siaran-siaran yang dibuat oleh perbadanan-perbadanan ini.

Tuan Yang di Pertua, saya bersetuju dengan dasar Kerajaan dan saya bersetuju dengan langkah Kerajaan menubuhkan

perbadanan-perbadanan ini, kerana orang Melayu tidak cukup kuat dan tidak cukup modal untuk menceburkan diri dalam lapangan ekonomi ini. Itulah sebabnya Kerajaan menubuhkan perbadanan-perbadanan ini dan saya yakin dengan perisytiharan berbagai-bagai perbadanan dan dengan lancarnya dasar baharu Kerajaan ini orang Melayu telah bangkit, bumiputra Melayu telah sedar daripada tidur, telah buka selimut dan telah bangkit cuba hendak bergerak masuk dalam lapangan ekonomi, dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Setengah daripada setengahnya meraba-raba sehingga masuk parit, jatuh. Setengah daripada setengahnya mata belum celik lagi, dia telah berlari hendak menjadi tycoon yang mana satu hari dia telah jatuh dengan tidak tahu ke mana.

Ini adalah satu kemajuan bagi satu golongan besar orang Melayu, ataupun satu golongan besar rakyat Malaysia yang dahulunya miskin; dahulu tidak sedar, tidur tetapi telah dapat bangkit. Ini satu kemajuan dalam dasar baharu kita ini. Kita telah bangkitkan mereka itu daripada tidur, bangunkan daripada tidur, buangkan selimutnya berdiri memandang kepada dunia yang luas ini untuk mencari kehidupan yang baharu.

Dengan adanya perbadanan-perbadanan ini, maka perbadanan inilah harapan Kerajaan untuk memberi bantuan, untuk memberi modal, untuk memberi tunjuk ajar dan untuk memberi latihan supaya bumiputra ini dapat bergerak dengan teratur dan kukuh dalam lapangan ini.

Kita kaji balik, adakah perbadanan-perbadanan ini boleh menjalankan kerjanya?

Saya telah meneliti, saya telah mengkaji, saya telah bertemu dengan banyak pihak, saya dapati ada skru-skru yang tidak berapa kuat. Ada nat-nat yang telah jatuh dari roket yang kita lancarkan itu. Dalam dasar baharu yang telah dijalankan ini iaitu kita katakan skru-skru yang loose itulah menyebabkan roket ini berjalan tidak begitu baik, sepatutnya dia berjalan dengan lebih kuat, dengan lebih laju, tetapi kita melihat berjalan semakin slow, semakin hari semakin lemah, mesti ada silapnya, mesti ada kelemahannya itu, kelemahan teknikal, bukan kelemahan polisi. Biasanya kelemahan teknikal ini disebabkan oleh orang teknikal, bukan oleh sebab orang

yang membuat dasar. Kalau sekiranya orang teknikal itu cuba sabotaj, cuba melemahkan jentera Kerajaan dalam melancarkan rancangan baharu, maka patutlah kita memperbaiki dan kiranya kita bertemu dengan mereka ini yang benar-benar melakukan seumpama ini, maka harus Kerajaan pecat, berhentikan sebagaimana pernah Kerajaan-kerajaan luar negeri buat. Dibuang terus. Ada setengah negeri dia tembak terus sebagai penghianat negara. Bagi negeri kita ini cukup memadai dengan kita pecat dia. Beri 24 jam berhenti, kerana awak telah melemahkan jentera negara kita untuk mengimbangkan rakyat yang ada ini.

Saya tunjuk satu contoh skru yang loose ini. Kerajaan dengan megahnya, dengan penuh harapan menubuhkan badan PERNAS, sebuah syarikat Kerajaan untuk melancarkan bumiputra dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

PERNAS telah ditubuhkan sebagai menjadi anak kandung kepada Perdana Menteri sendiri. Telah diletakkan seorang muda cekap yang mempunyai pengalaman dalam menjalankan perbadanan ini dan telah dihantar berbagai-bagai pegawai ekonomi, pengurusan dan sebagainya; tidak cukup orang Melayu, dia ambil lagi orang yang bukan Melayu bekerja di dalam PERNAS ini bukan sedikit bilangannya orang yang bukan Melayu bekerja dengan PERNAS ini untuk mengimbangkan kedudukan pekerja dan untuk mengadakan hubungan yang baik di antara pegawai dalam PERNAS dan juga dengan pedagang-pedagang yang bukan Melayu. Tetapi apa yang telah terjadi kepada PERNAS. Saya berasa dukacita hendak menyebutkan secara satu persatu akan benda yang berlaku di dalam masaalah ini.

PERNAS ditubuhkan untuk menjadi satu ejensi untuk menyalurkan barang-barang perusahaan kilang dalam negara kita ini kepada bumiputra dan juga bukan bumiputra. Tetapi apa telah berlaku, kilang-kilang ini telah memberi barang kepada PERNAS dengan harga yang lebih mahal daripada harga yang diberi kepada ejensi yang sedia ada sehingga PERNAS tidak dapat menjual barang itu kepada bumiputra, kerana bumiputra lebih suka beli barang murah daripada ejensi-ejensi yang bukan Melayu yang telah ada dalam negara kita ini. Itu satu contoh skru yang loose.

Satu lagi contoh yang saya hendak tunjukkan kepada Dewan ini dan hendak beritahu kepada orang Melayu dan bukan Melayu bagaimana kedudukan yang sebenarnya berlaku.

PERNAS memohon untuk menjadi ejensi kepada barang-barang yang sedia ada dalam market pada masa ini seperti kita katakan barang-barang yang telah dijual seperti rokok ataupun gandum, gula umpamanya iaitu barang yang boleh laku. Jawapan daripada kilang itu ialah dia kata mereka tidak dapat beri kepada PERNAS ejensi ini, kerana mereka telah ada agreement yang tidak boleh dipecahkan, barang-barang ini teiah pun diikat di antara pengeluar dengan pembagi yang sedia ada bertahun-tahun menjalankan perniagaan itu. Jadi, apa yang PERNAS mesti berniaga ialah barang baharu, barang yang belum dapat dikenal, barang yang rakyat belum tahu, adakah patut dimakan atau dipakai. Inilah barang yang diberi, ditawarkan kepada PERNAS untuk menjadi ejensi. Jadi Perbadanan PERNAS ini telah menjadi kaku untuk bergerak meletakkan bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Apabila PERNAS minta satu lesen untuk membuka kilang gandum umpamanya, jawapan dari pihak yang berkenaan mengatakan kilang gandum PERNAS tidak boleh dibuka lagi, kerana ada satu peraturan, yang telah diikat iaitu kilang gandum yang ada hari ini ialah sebuah kilang gandum yang mempunyai monopoli sehingga beberapa tahun, entah lima tahun atau 10 tahun, saya pun tidak tahu. Kilang gandum itu sahaja yang boleh mengeluarkan gandum kepada rakyat, orang lain tidak boleh buka, walaupun PERNAS sebuah perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri pun tidak berhak untuk membuka sebuah kilang yang telah diikat oleh Menteri Perdagangan dan Perusahaan dahulu, Dr Lim Swee Aun, katanya telah diberi lesen membuat kilang gandum dengan mengikatkan Kerajaan tidak boleh lagi memberi lesen untuk membuka kilang gandum dalam masa lima tahun atau 10 tahun pada masa hadapan. Ini betul atau tidak, patutlah disiasat dan dikaji.

Yang saya tahu patutlah disiasat yang Dr Lim Swee Aun menjadi Pengerusi Kilang Gandum yang ada hari ini. Dia sendiri yang ikat, dan dia sendiri menjadi Pengerusinya.

Ini satu benda yang besar yang saya kata skru-skru atau natnya yang telah gugur daripada roket yang kita lancarkan pada tahun 1971 yang mesti diperbaiki. Kalaulah sekiranya ada perjanjian seumpama itu yang mengikat Kerajaan mengeluarkan lesen seumpama itu, batalkan lesen itu, hapuskan perjanjian itu, gunakan kuasa Parlimen, kalau perlu. Kerana ini bukan merampas hak orang lain mengikut Perlembagaan Artikel 153.

Kalau Kerajaan hendak buat satu peraturan, satu syarat 30% daripada barang-barang pengeluaran negara ini hendaklah diberi kepada bumiputra menjadi ejen. Itu bukan melanggar peraturan Artikel 153 Perlembagaan. Kerana barang-barang ini bertambah. Hari ini 10 ribu orang menghisap rokok, setahun lagi 20,000 orang menghisap rokok kenapa yang bertambah 10,000 lagi itu tidak boleh diberi kepada bumiputra untuk menjual rokok itu? Kenapa, kenapa mesti ditahan kerana peraturan Artikel 153 Perlembagaan yang tidak boleh merampas hak yang halal yang ada pada orang lain.

Saya rasa makna Artikel 153 itu mesti dibetulkan dan mana-mana kilang yang hendak memberi ejensi-ejensi hendaklah lebih dahulu dikenakan peraturan-peraturan yang tertentu. Kalau satu kilang simin telah dibuka dan hendak diberikan kepada distributor, hendak buat satu perjanjian maka hendaklah 30% mesti direservakan kepada bumiputra, dan mereka yang hendak menjadi ejen bagi kilang simin itu hendaklah dikenakan lesen, sebab Artikel 153 Perlembagaan apabila kata lesen, ada hak istimewa bagi orang Melayu.

Jadi ada baiknya Kerajaan kalau hendak melancarkan benda ini kenakan lesen, lesenkan semua perkara yang besar-besar yang mengenai hak ekonomi, perdagangan dan perusahaan. Kalau Kerajaan mengenakan lesen baharu Fasal 153 berjalan iaitu 30% boleh kita tetapkan kepada orang Melayu, kerana ada hak istimewa di bawah Fasal 153 orang Melayu berhak dalam perkara lesen perdagangan dan perusahaan. Ini skru yang saya katakan loose yang mesti diperbetulkan, sebab kalau kita tidak perbetulkan benda-benda yang seumpama ini, pada hemat saya, akan timbulkan di kalangan orang bukan Melayu menyatakan perbadanan ini ialah monster bagaimana DAP kata di Dewan Rakyat. UDA ialah monster menelan segala kekuatan yang ada di dalam Kuala Lumpur, ini—monster, DAP kata monster, UDA

monster. UDA dengan modal sebanyak \$100 juta dikatakan monster, Sungai Way Complex suatu projek sahaja \$100 juta tidak monster, Ampang Complex berapa juta bukan monster. Ini monster yang ada di seluruh bandar Kuala Lumpur ini gerun kita tengok, takut kita tengok.

Rancangan-rancangan perumahan penuh macam laut, Perbadanan Negeri Selangor tidak dapat hendak dibandingkan, Perbadanan Negeri Selangor ibarat habuk sahaja. Orang Melayu baharu hendak bangkit, Kerajaan baharu hendak lancarkan sudah dikatakan monster.

Pada saya, perlu Kerajaan memberi modal yang lebih kepada Perbadanan-perbadanan ini, memberi modal yang cukup kepada PERNAS, kepada UDA, kepada MARA, kepada Bank Bumiputra, beri beberapa modal yang cukup yang dapat mengimbangkan kuasa-kuasa ekonomi yang ada di dalam negara kita ini. Mana-mana rancangan yang besar-besar bolehlah perbadanan-perbadanan ini jalankan. Mana-mana rancangan yang sederhana yang kecil bolehlah orang-orang Melayu secara individual, syarikat-syarikat Melayu ini berjalan di atas kakinya sendiri.

Kita sudah sampai satu peringkat orang Melayu telah sedar, orang Melayu telah bangkit, telah buka mata dan sedang melihat. Kalau salah kita buat bukan 13 Mei yang bangkit, 15 Mei antara Melayu dengan Melayu pula. Sebab Melayu kata, PERNAS tidak mahu beri barang dengan dia, PERNAS yang menjual mahal dengan dia. PERNAS Melayu, yang berniaga Melayu, dia menyembelih Melayu dahulu—Melayu sama Melayu, orang lain cuci tangan tidak jadi hal. Ini perkara yang besar yang patut dikaji, yang patut diteliti oleh pihak yang berkuasa berkenaan dengan dasar meletakkan, berkenaan dengan hendak memasukkan orang Melayu dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

Saya rasa, perlu Kerajaan mencari modal yang lebih, kalau perlu dapatkan pinjaman daripada Bank Dunia, daripada Bank Asia untuk diberi kepada PERNAS, untuk diberi kepada UDA, untuk diberi kepada mereka ini supaya dapat mereka ini menjalankan projek-projek yang besar supaya dapat mengimbangkan. Ini ada dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua. Kita tidak mahu mendengar Treasury memberi \$100 juta kepada UDA kemudian memikirkan yang

UDA ini telah diberi banyak sangat apa yang dibuatnya, ditekan dan ditanya, ini kita tidak mahu. Kita mahu Treasury tanya UDA berapa cukup untuk lima tahun ke hadapan. Kita reservekan 5 tahun untuk UDA bergerak, kita reservekan anggaran lima tahun untuk PERNAS bergerak, kita baiki segala peraturan perdagangan dan perusahaan. Kita susunkan satu cara baharu dalam sistem menjalankan dasar perdagangan dan perusahaan kita, kita tidak mahu adanya pihak-pihak yang cuba membukakan screw yang ada di dalam rocket yang kita lancarkan ini.

Saya dapat tahu PERNAS meminta lesen untuk membuka kilang simin, berbulan-bulan tidak dapat. Apabila beri kepada PERNAS lesen simin, membuka kilang simin, beri pula lesen baharu kepada Tasek Cement membuka melawan dengan PERNAS. Ini bukan usaha hendak menguatkan PERNAS, ini usaha hendak melumpuhkan perbadanan yang kita tubuhkan dan ini mesti ada orang-orang yang cuba merusakkan kedudukan jentera Kerajaan dan ini perlu dikaji, disiasat, dihalusi dan diperbetulkan.

Dengan kesedaran orang Melayu hari ini kita tengok apabila kita buka share, sebuah syarikat membuka public share, bahagian orang Melayu oversubscribed. Banyak modal orang Melayu oversubscribed. Tidak ada share yang hendak dijual kepada orang Melayu kerana banyaknya modal orang Melayu. Cabut undi \$500, \$1,000 yang masuk undi. Selain daripada itu diuntukkan kepada badan-badan seperti Tabung Haji dan sebagainya. Daripada kelebihan modal yang hendak ditanam dalam perusahaan ini menunjukkan orang Melayu sudah sedar, sudah ada pemikiran berniaga, sudah sanggup masuk joint-venture di dalam perdagangan dan perusahaan. Kalaulah ini telah ada hasil daripada Rancangan Lima Tahun Yang Kedua kita ini, maka hari ini mustahak Kerajaan membuat suatu perubahan yang besar iaitu memasukkan orang Melayu di dalam kumpulan-kumpulan kewangan—apa yang dikatakan money market, berikan kepada orang Melayu membuka bank, berikan kepada orang Melayu membuka finance company, berikan kepada orang Melayu membuka insurance company. Beri lesen-lesen ini kepada mereka supaya mereka ini berada di dalam money market, ada di dalam kumpulan kewangan supaya mereka ini kukuh. Berapa bank yang ada di dalam

negara kita ini, berapa kerat bank yang ada di dalam negara kita ini kepunyaan orang Melayu. Yang ada Bank Bumiputra kepunyaan Kerajaan. Baharu Bank Bumiputra membuat merchant bank, joint-venture dengan luar negeri. Ini kepunyaan Kerajaan tidak ada kepunyaan Melayu.

Kalau bank di England sanggup datang ke mari joint-venture dengan Bank Bumiputra untuk membuka merchant bank, tidakkah dapat Kerajaan menggalakkan bank daripada Jepun, bank daripada Germany, bank daripada luar negeri datang ke sini joint-venture membuka bank dengan orang Melayu. Dengan segala expertise yang ada daripada pihak-pihak bank luar negeri itu, bukakan bank orang Melayu boleh masuk dalam money market. Berapa ratus dalam negara kita ini, berapa ratus lesen yang dikeluarkan kepada orang yang bukan Melayu untuk menjalankan perniagaan kewangan yang dipanggil finance company. Berapa kerat orang Melayu yang ada finance company, orang Melayu yang menjalankan finance company. Berapa kerat orang bumiputra yang menjalankan insurance company, kita duduk di luar daripada money market, kemudian kita bercakap, berniaga, perniagaan yang tidak mempunyai asas kekuatan.

Kita berebut mendapat lesen teksi, kita berebut untuk mencari gerai-gerai hendak menjual goreng pisang, kacang goreng, jagung rebus dan sebagainya, kita tidak berebut untuk masuk di dalam suatu tempat yang benar-benar menjadi tapak kekuatan ekonomi negara.

Saya tahu Bank Negara kita yang mengeluarkan lesen-lesen ini. Kalau Bank Negara kita mengeluarkan lesen ini tidak bolehkah Bank Negara kita menggalakkan orang Melayu membuka bank seberapa banyak yang boleh.

Ini tidak ekonomik, kerana banyak sangat bank sudah ada dalam negara kita. Ini alasan yang selalu diberi. Kalau orang Melayu, bumiputra hendak dapat lesen, tidak ekonomik, tidak boleh keluarkan lesen, sudah cukup bank yang ada, cukup finance company yang ada. Saya dapat tahu Bank Bumiputra sendiri hendak buka finance company. Berapa lama dia berusaha hendak dapatkan lesen. Hari ini baharu dapat buka Kewangan Bumiputra Sendirian Berhad, baharu dibuka. Orang lain sudah lama kaya. Kalau sekiranya orang

Melayu tidak dapat memegang, tidak mempunyai hak milik di dalam negara kita ini, maka orang Melayu tidak akan dapat diimbangkan dalam masa 20 tahun dengan jangka masa yang kita buat itu.

Kita tubuhkan UDA, kita beri \$100,000,000. Datang orang lain buka sebuah company \$500,000,000—perimbangan itu jauh sekali. Perbezaan, jurang perbezaan itu makin sehari makin jauh. Kalau tidak kita tekankan, kalau tidak kita tekankan bumiputra ini dengan cara bersungguh-sungguh, kita harus mengkaji berapa banyak perusahaan yang dapat pinjaman dari M.I.D.F., M.I.D.F. itu dipunyai oleh Kerajaan dan insurance company dan juga bank-bank yang ada dalam Malaysia ini.

Sungguhpun Kerajaan mempunyai modal yang sedikit di dalam M.I.D.F., tetapi Kerajaan menjadi penjamin kepada pinjaman daripada bank-bank luar negeri, daripada Bank Dunia dan sebagainya. Jadi, punca modal bagi orang Melayu ini tidak cukup. Kalau Kerajaan berusaha mendapatkan pinjaman Bank Dunia, diberi kepada M.I.D.F., M.I.D.F. beri wang itu kepada orang yang bukan bumiputra, membuka perusahaan besar-besar. Modal wang yang datang daripada luar negeri tidak disalurkan kepada bumiputra. Bilakah bumiputra ini dapat nikmat daripada usaha Kerajaan. Ini perkara yang penting, yang harus dikaji, yang harus dihalusi oleh Kerajaan. Dua perkara besar kalau kita hendak mengimbangkan orang bumiputra dengan orang yang bukan bumiputra. Yang pertama kewangan, yang kedua kuatkuasa undang-undang. Jangan kita bergantung kepada swasta untuk menolong bumiputra supaya dapat perimbangan. Saya pernah dengar Tun Dr Ismail telah memberi suatu ucapan menyatakan: Wahai swasta bukan bumiputra, janganlah paksa Kerajaan membuat undang-undang untuk meletakkan orang Melayu dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Itu satu amaran yang datang daripada Timbalan Perdana Menteri kepada swasta, tetapi sejauh mana swasta mengambil perkataan-perkataan itu, sejauh mana swasta mendengar amaran dan seruan yang ditimbulkan oleh Timbalan Perdana Menteri itu.

Pada saya sangat sedikit kalangan swasta yang cuba hendak menerima seruan-seruan itu kerana mereka telah kukuh dan kuat. Kalau hendak datang menerima pun

ialah mereka yang lemah, yang hendak mencari perlindungan, yang tidak cukup modal, yang susah hendak dapat pioneer status dan sebagainya untuk mendapatkan keuntungan. Ini cara yang berlaku dalam negara kita.

Dalam masaalah orang Melayu atau bumiputra hendak mengimbangkan dengan orang yang bukan bumiputra, saya rasa, satu masaalah yang mesti dikaji halus-halus dan mesti diasas betul-betul supaya tidaklah kita menjalankan pekerjaan kita dengan berciciran di tengah jalan. Kita kata kita hendak mengimbangkan orang Melayu dalam masa 20 tahun sebanyak 30%.

Contohnya kita hari ini mempunyai hak milik harta satu peratus.

Orang yang bukan Melayu 20%.

Orang yang luar negeri 62%. 62% campur dengan 20% sudah jadi hampir 90%.

Orang Melayu 1% lebih.

Kita hendak naikkan pihak Melayu 90% menjadikan 200%. Melayu belum sampai 10%.

Kita belum tengok lagi hak milik yang ada dalam Kuala Lumpur, hak milik yang ada pada orang Melayu dalam Selangor sahaja. Yang 1% kita belum tahu berapa peratus dia naik. Kita tidak dapat hitung, berapa banyak share orang Melayu yang ada, berapa banyak modal orang Melayu yang ada. Kita susah hendak hitungkan. Cuma apa yang kita tengok, orang Melayu pakai neck tie, coat, bawa beg sebagai taukeh. Itu yang kita nampak. Dalam beg itu kita tidak tahu apakah yang ada samada kosong, atau berisi. Yang kita tengok muka itu macam muka taukeh sahaja yang ada, tetapi hak milik yang 90% sudah naik 20%, yang 1% itu kalau dia naik 20% tidak ada makna. Jurang itu semakin hari semakin jauh, semakin hari semakin jauh.

Kalau hendak rapatkan jurang ini Kerajaan kenakan buat undang-undang. Tiap-tiap swasta yang hendak menubuhkan kilang dalam negara kita ini hendaklah sekurang-kurangnya 30% atau 40% mesti orang Melayu dengan aktifnya masuk di dalamnya. Tiap-tiap lesen yang hendak dikeluarkan hendaklah ada orang Melayu memegang lesen itu. Kuatkuasa Undang-undang sahaja yang dapat memperbaiki perimbangan ini. Kalau

kita hendak menghentikan orang bukan Melayu, orang asing, tidak boleh dan jangan macam kita berlumba lari antara orang bukan Melayu yang sudah kedepan sebatu, kita tinggal sebatu kebelakang.

Kerajaan lancarkan Ekonomi Baharu, dengan tujuan hendak jadikan yang sebatu kebelakangan ini duduk di barisan yang sama. Caranya hentikan, jangan jalan lagi sehingga pihak yang di belakang itu beri dia ini lari sampai rapat, baharu bersama berlari. Itu tidak boleh hendak dibuat, kerana barangkali boleh jadi kemajuan negara kita tersekat. Perkembangan ekonomi kita tersekat. Foreign capitals yang hendak datang ke sini pun takut, berbagai-bagai perkara yang boleh berlaku, tetapi satu cara yang Kerajaan boleh buat, tidak payah sekat dia, masukkan sahaja orang Melayu ke dalam perusahaan itu buat undang-undang supaya mestikan Melayu masuk dalam perusahaan itu. Kalau modal individual tidak boleh masuk, modal perbadanan boleh dimasukkan.

Kalau PERNAS buat joint venture dengan nama PERNAS/SIME DARBY BERHAD, kenapa tidak boleh PERNAS/TASIK SIMIN BERHAD? Kenapa tidak boleh PERNAS/ROTHMANS BERHAD? Kenapa tidak boleh PERNAS/M.T.C. BERHAD? Masukkan, tetapi ini perlu kepada kuatkuasa Undang-undang. Sebab mereka ini tidak akan memada dengan amaran, dengan seruan; mereka tidak akan menerima. Pemodal-pemodal besar ini cukup besar. Inilah monster yang ada dalam negara kita ini. Mereka ini tegak, dia besar, dia tidak takut. Dia tahu dia kuat, melainkan Kerajaan dengan satu Undang-undang, masukkan dalam Parlimen kerana Parlimen sudah bersetuju; Buku Merah ini telah diterima oleh Parlimen. Kita mahu laksanakan dasar Buku Merah ini, dasar baharu Kerajaan dalam Buku Merah ini. Oleh kerana sudah berjalan dua tahun lebih, dasar ini baharu menimbulkan kesedaran dan kebangkitan, maka oleh kerana kita hendak cepat masuk orang Melayu ini, maka bolehlah kita buat dengan Undang-undang. Dengan undang-undang sahaja mereka ini akan ikut kehendak-kehendak Kerajaan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ini.

Dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ini ada dua faktor yang besar. Faktor yang pertama daripada Kerajaan sendiri membina rumah, membina jalanraya, membuat sekolah,

memberi kontrek membuka kilang, membuka syarikat dan sebagainya. Satu faktor lagi ialah faktor awam. Faktor awam ini dibebaskan orang boleh menjalankan perusahaan, menjalankan perniagaan, mengambil kontrek, bebas membuka sebarang juga usaha dan sebagainya. Dalam dasar baru Kerajaan ini terang dijelaskan dasar hendak memasukkan 30% orang Melayu dalam masa 20 tahun ini Kerajaan telah kata dalam dasar baru ini Kerajaan tidak dapat buat sendiri, Kerajaan tidak akan berjaya, yang akan menjayakan tujuan ini ialah bagi pihak Kerajaan dan swasta bekerjasama.

Hari ini kita tengok setengah-setengah daripada jabatan-jabatan Kerajaan sendiri pun yang dikuasai oleh orang-orang yang tidak setia dengan dasar baru ini cuba melambat-lambatkan usaha ini. Itu swasta . . .

Tuan Yang di Pertua: Saya suka bertanya kepada Ahli Yang Berhormat adakah Ahli Yang Berhormat berhajat hendak bercakap di atas perkara-perkara yang lain atau hanya di atas perbandingan ekonomi bumiputra dengan yang bukan bumiputra. Adakah berhajat hendak bercakap di atas perkara yang lain?

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Selain daripada masalah perimbangan dasar bumiputra ini.

Tuan Yang di Pertua: Adakah perkara yang lain lagi hendak bercakap selain daripada perkara yang telah dicakapkan itu.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Maksud Tuan Yang di Pertua?

Tuan Yang di Pertua: Saya hendak bertanya sahaja kepada Ahli Yang Berhormat samada hendak bercakap di atas perkara-perkara yang lain juga?

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Ya.

Tuan Yang di Pertua: Berapa lama agaknya akan mengambil masa?

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Kalau Tuan Yang di Pertua mengizinkan, saya hendak bercakap dalam masa 20 minit lagi.

Tuan Yang di Pertua: Saya bertanya tadi itu ialah oleh kerana nampaknya ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap. Hanya esok sahaja tinggal satu hari, jadi kalau dapat Ahli Yang Berhormat itu ringkaskan sedikit maka dapatlah peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak bercakap.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Kalau begitu boleh saya ringkaskan dengan permintaan Tuan Yang di Pertua supaya dapat Ahli-ahli Yang Berhormat lain bercakap. Saya terangkan tadi Kerajaan sendiri telah menyatakan dalam Dasar Ekonomi Baru ini Kerajaan tidak dapat melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk memasukkan orang Melayu 30% dalam perdagangan dan perusahaan dalam masa 20 tahun kalau tidak dengan kerjasama daripada swasta. Jadi jelas sekalilah bagi kita maknanya mustahaklah swasta itu menjalankan langkah yang aktif bagi menjayakan Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini dan bagi menjayakan inilah, maka saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menimbang dibuat berbagai-bagai undang-undang yang berkenaan dengan perdagangan dan perusahaan ini.

Selain daripada itu satu usaha lagi ialah bagi membaiki cara berfikir bumiputra sendiri, membaiki kedudukan pekerjaan dan penguasaan yang ada dalam kalangan bumiputra sendiri. Hari ini saya rasa kita ada Jabatan Penerangan, Talivisyen, Radio dan sebagainya. Jadi perlu jabatan ini mengambil tindakan segera bagi memperbaiki cara berfikir bumiputra sendiri supaya bumiputra itu sendiri yang baru bangkit daripada tidur dan cuba hendak bergerak ini dapat diperbaiki cara berfikir dan sebagainya, sebab saya dapati dalam Jabatan Penerangan ini sangatlah kurang masalah-masalah berkenaan dengan perusahaan dan perindustrian yang diberikan galakan kepada bumiputra memikirkan. Sungguhpun ada sedikit-sedikit perubahan yang dibuat dalam talivisyen, dalam radio dan sebagainya, tetapi saya rasa tidak cukup untuk memandu bumiputra dan mengubah cara berfikir bumiputra supaya betul-betul dia itu berfikir cara peniaga. Apa yang dibuat dalam radio hari ini dijemput satu orang daripada peniaga datang bercerita, dia kata dia sudah berniaga itu, berniaga ini kemudian siarkan kepada orang-ramai, itu ada dibuat, tetapi saya rasa banyak lagi usaha-usaha lain yang boleh dibuat, yang

boleh ditunjukkan kepada ramai supaya menjadi panduan kepada bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan.

Dalam masaalah kedudukan bumiputra dengan orang bukan bumiputra hari ini saya rasa perlu kita kaji tentang apa lapangan yang patut dipegang oleh perbadanan-perbadanan dan apa lapangan yang patut dipegang oleh bumiputra sendiri. Ini patut juga dikaji sebab kita tak mahu bumiputra jadi tersepit ditengah-tengah. Ini modal asing, ini modal luar, ini modal bukan bumiputra, ini perbadanan, jadi bumiputra perseorangan dan syarikat ini tersepit di tengah. Dia terpaksa bertanding dengan modal luar, dia terpaksa bertanding dengan perbadanan. Itupun satu masalah juga patut dikaji. Kalau boleh kita kaji kedudukan perbadanan ini menguasai beberapa kawasan ataupun lapangan yang besar-besar yang patut dijalankan oleh perbadanan, umpamanya saham. Selalunya saham ini kita beli hari ini kita speculate orang Melayu boleh beli \$500 jual dapat untung, bolehlah cari makan sedikit dengan saham, tetapi yang beli banyak barangkali Tabung Haji, syarikat permodalan atau badan-badan Kerajaan yang beli beratus ribu ringgit saham ini. Barangkali ada kalau saham ini dijual jadi pada saya hak-milik itu tidak ada. Apabila saham ini dijual hak-milik itu tidak ada di dalam kilang itu.

Saya harap janganlah dijual kesemua saham yang dibeli oleh perbadanan-perbadanan dengan banyak itu supaya kalau kilang itu umpamanya keluar saham kalau perbadanan dapat beli 30% bolehlah speculate 10%, 20% ini menjadi hak-milik orang Melayu menerusi perbadanan ini memegang saham dalam kilang-kilang atau syarikat yang besar ini, tetapi kalau sekiranya kita hendak sekatkan, tidak jual terus pun tidak baik juga. Kalau kita hendak sekat saham orang Melayu ini tak boleh dijual itupun tak baik juga. Itu satu kelemahan bagi orang Melayu, sebab orang Melayu beli saham pun dia hendak jual supaya dapat untung, kemudian beli saham yang lain pula, dia boleh berniaga saham untuk mencari makan. Itu satu kaedah yang baik tetapi perbadanan-perbadanan ini berhak oleh kerana mereka ini ada modal boleh memegang hak-milik di dalam syarikat-syarikat besar.

Satu lagi patut Kerajaan halusi tentang saham orang bumiputra ini ada penyelewangan yang berlaku. Saya suka menerangkan dalam Dewan ini supaya kita dapat mengawasi betul-betul, khasnya supaya Kementerian Perdagangan menyasat. Saya dapat tahu ada kalangan bukan bumiputra, oleh kerana tidak ada syarat jual-beli itu dia ambil voting list atau senarai undi sahaja, diambil nama orang Melayu, dimasukkan dalam borang saham itu dan dibubuh nama "Mamat" atau "Jusoh", sesudah ditandatangani dimasukkan wang dan dimasukkan dalam undian saham itu. Apabila dia berjaya dan dapat balik kepada c/o alamat tempat dia itu, saham itu jadi hak dia, dia boleh jual balik. Situannya nama itu tak tahu pun sebab dia itu hanya orang yang ada dalam daftar undi sahaja, dia pun sebenarnya tak tahu langsung ada orang lain menggunakan namanya untuk membeli saham. Ini perkara berlaku di negeri Kelantan dan patut dihalusi oleh Kementerian Perdagangan supaya tidak ada penipuan dalam pembelian saham yang dihaskan kepada bumiputra.

Tuan Yang di Pertua, sekadar itu sahajalah dan memadailah dahulu daripada saya untuk berucap pada Dewan ini bagi menyokong rancangan ataupun dasar Kerajaan dan juga Budget yang ada dihadapan kita hari ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, lebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan belanjawan negara bagi tahun 1973 ini di dalam Persidangan Dewan Rakyat pada bulan Disember, 1972 yang lalu.

Dan begitu juga saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan negara bagi tahun 1973 ini untuk dibahaskan dalam Dewan Negara ini pada masa sekarang.

Sekalipun dalam Belanjawan negara ini kita tidak nampak banyak kenaikan cukai yang mengakibatkan kesusahan kepada rakyat dan tidak banyak kita dengar rungutan daripada rakyat dengan adanya Belanjawan ini seperti pada tahun-tahun yang sudah di mana banyak rungutan telah datang disebabkan oleh kenaikan cukai, tambahan cukai baru dan sebagainya. Semuanya itu saya rasa ialah bagi mengukuhkan atau memenuhi kehendak-kehendak daripada Belanjawan negara itu sendiri.

Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa di dalam Belanjawan ini tidak banyak yang mengejutkan rakyat, tetapi pada pendapat saya Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuat rekod yang baik dalam mengusahakan kestabilan dan kekukuhan kewangan negara sehingga kemakmuran negara bertambah dari setahun ke setahun. Sebuah negara yang kukuh adalah hasil dari kukuhnya kewangan negara dan juga kukuhnya politik negara itu.

Tuan Yang di Pertua, saya tidak hendak menyentuh apa-apa yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya, tetapi saya yakin dan percaya sungguh bahawa kekukuhan kewangan dan ekonomi negara serta kekukuhan politik yang wujud di negara kita sekarang akan menjamin lancarnya pembangunan negara kita pada masa yang akan datang. Kedua-dua syarat yang saya sebutkan itu ada pada negara kita sekarang dan dengan itu kita tidak mempunyai kebimbangan apa-apa pun yang lahir dalam fikiran kita, terutama dalam fikiran rakyat atas masa hadapan negara ini terutama dalam bidang pembangunan yang kita namakan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua dalam Rancangan Dasar Ekonomi Baru.

Rancangan Dasar Ekonomi Baru ataupun di dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kedua ini kita meletakkan keyakinan masa depan negara ini, 20 tahun yang akan datang, kita akan dapat melihat perimbangan yang wujud di antara yang berada dengan yang tidak berada. Kita tidak syak bahawa keamanan, kestabilan politik dan ekonominya pada masa hadapan akan wujud, jika sekiranya rancangan-rancangan Lima Tahun Yang Kedua, Ketiga dan Keempat serta seterusnya berdasarkan di atas dasar ekonomi baru yang kita sama-sama terima, kalau ini berjalan mengikut rancangannya, maka negara kita akan merupakan suatu negara yang aman, adil, negara yang akan menjadi contoh di seluruh dunia sebelah sini. Sesuatu yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun bahawa Malaysia sedang pesat membangun sejak kita mencapai kemerdekaan. Kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan dalam bandar telah mendapat perhatian yang wajar dari Kerajaan, industri-industri serta kilang-kilang telah bertambah dari satu masa kesatu masa, sehingga dengan pertambahan ini diharapkan akan dapat mengurangkan

penyakit pengangguran di kalangan masyarakat kita sendiri, terutama sekali di kalangan belia-belia yang sedang naik sekarang ini, di samping itu sektor pertanian telah mula memodenkan usaha-usaha mereka bagi mendapatkan hasil yang berlipat ganda dan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada petani-petani kita. Ini semua adalah rancangan-rancangan yang sedang berjalan dengan pesatnya sekali pun kepesatan itu belum dapat mengatasi kepesatan jumlah pengangguran di tanahair kita. Masalah pengangguran yang nampaknya kian bertambah di negara kita ini kita harap akan dapat diperbaiki, akan dapat dikurangkan jumlahnya dengan bertambahnya rancangan-rancangan Kerajaan pada masa yang akan datang dan juga rancangan-rancangan swasta. Inilah yang kita harapkan di dalam Pembangunan negara kita.

Seperti kita semua telah mendengar sebentar tadi bahawa ekonomi negara kita pada tahun 1969, pemilikan saham dan modal syarikat-syarikat di Malaysia, orang-orang dan perbadanan bumiputra hanya ada 1.5% sahaja, berbanding dengan orang-orang bukan Melayu iaitu orang Cina 22.8%, berbanding lagi dengan orang-orang luar yang menguasai kekayaan negara kita ini dengan jumlah 56.1%, maka nampak oleh kita kepincangan itu berlaku di tanahair kita pada atau sebelum 13 Mei, 1969. Rancangan-rancangan yang dikemukakan oleh Kerajaan di dalam Dasar Ekonomi Baru ialah untuk menghapuskan perbezaan ini sedikit demi sedikit. Sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan yang menjadi target dan pembahagian rezki yang adil diantara yang berada dengan yang tidak berada serta ingin hendak membentuk suatu masyarakat baru yang dinamis, progresif dan dedikasi, maka saya nampak cita-cita itu sedang berjalan menuju arahnya.

Tuan Yang di Pertua, jika kita memandang kepada perkembangan-perkembangan yang kian pesat sekarang, dengan tidak mempunyai perasaan prejudice sedikit pun kepada perkembangan-perkembangan itu, maka kita yakin kalau kita jujur sepertimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri, kalau setiap rakyat ini jujur, baik daripada bumiputra atau yang bukan dari bumiputra dan tidak terdapat sesuatu lobang yang akan memecahkan kejujuran itu, maka kita percaya dan kita yakin matlamat kita itu akan kita capai juga. Jika kita

memandang kepada Buku Belanjawan, 1973 ini yang menelan belanja \$4,642,152,737 itu, maka daripadanya kita melihat Belanja Pengurusan negara sahaja, menelan sebanyak \$3,154,634,234 berbanding dengan Belanja Pembangunan bagi tahun ini menelan belanja \$1,487,522,103. Ini bererti Belanja Pengurusan menelan anggaran dua kaliganda dari Belanja Pembangunan iaitu kira-kira 67.96% digunakan daripada wang yang sejumlah itu untuk Pengurusan, untuk gaji, elaun dan sebagainya dan berbanding dengan hanya 32.04% bagi pembangunan.

Tuan Yang di Pertua, dengan perkataan yang lain, wang negara ini sedemikian banyaknya telah diberikan peruntukan kepada pengurusan iaitu membayar gaji pegawai-pegawai, perbelanjaan tanggungan-tanggungan dan perbelanjaan perbekalan-perbekalan.

Saya suka menarik perhatian Dewan ini dan menarik perhatian pegawai-pegawai kita bahawa mereka telah diperuntukkan sedemikian banyaknya wang negara bagi pengurusan negara dan wang yang diperuntukkan itu datangnya ialah dari hasil-hasil cukai yang kita pungut daripada rakyat. Setiap sen wang yang kita belanjakan untuk pengurusan adalah datangnya daripada titik-peluh rakyat sendiri. Saya suka lebih dahulu, Tuan Yang di Pertua, minta maaf kepada para pegawai-pegawai kita, saya rasa pegawai-pegawai kita yang muda-muda sekarang adalah pegawai-pegawai yang benar-benar bersemangat tahun tujuh puluhan, bersemangat berjiwa besar bagi melaksanakan cita-cita rakyat. Saya harap di dalam melaksanakan cita-cita ini, kita tidak akan menemui pegawai-pegawai yang bersifat tahun lima puluhan atau tahun empat puluhan yang lebih kolonial daripada kolonial sendiri, yang lebih Inggeris dari Inggeris sendiri, kita harap tidak akan kita temui pegawai-pegawai muda kita yang diletakkan tanggungjawab kepada mereka di dalam pengurusan yang memakan jumlah 67.96% wang negara diperuntukkan kepada mereka bersifat seperti itu.

Tuan Yang di Pertua, wang sejumlah ini ialah besar. Kalau kami daripada wakil rakyat di Dewan Rakyat atau wakil negeri di Dewan Negara atau wakil persendirian di Dewan Negara ini berkata sedikit pedih terhadap pegawai-pegawai yang kami mengharap supaya mereka itu menjalankan kerja

yang betul, kalau sedikit tersinggung, tolonglah maafkan kami kerana kami di sini ialah menyuarakan kehendak-kehendak dan rakyat sekarang ini telah membuka matanya. Kalau Parlimen tahun 1959 dahulu sewaktu saya mula-mula menjadi Anggota Parlimen tahun 1959 rakyat ialah rakyat yang hidup di zaman penjajah lebih banyak. Mereka tidak tahu dari mana wang negara ini diambil dan untuk apa dibelanjakan. Cukuplah kepada mereka kalau suraunya yang akan runtuh itu diperbaiki, cukuplah kepadanya kalau sekiranya balairayanya yang tidak ada dahulu dibuat, cukuplah baginya kalau sekiranya jalan debu itu diganti dengan jalan tanah merah. Tetapi sekarang tidak. Sekarang berlainan, Tuan Yang di Pertua, dan kita pun sudah diberikan pencen, siapa yang hendak pencen daripada menjadi Ahli Dewan ini.

Tuan Yang di Pertua, pegawai-pegawai muda kita sewaktu mereka tinggal di Universiti menjadi mahasiswa-mahasiswa seakan-akan kita akan menyambut kelahiran mereka sebagai kaum intelek yang dapat membawa tongkat sakti, membetulkan keadaan hidup dan masyarakat kita, yang telah kita kaji, yang telah kita lihat masih ada perbezaan, masih terdapat tidak ada perimbangan di antara gulungan-gulungan kaum-kaum terutama sekali di antara kaum bumi-putra dengan orang yang bukan bumiputra.

Tuan Yang di Pertua, sekali lagi saya katakan, untuk menghapuskan seluruh perasaan tidak puas di dalam kalangan masyarakat ini, terletak secara langsung di atas kepala pegawai-pegawai kita besar yang paling besar sampai ke paling bawah sekali sampai kepada peon, kepada mereka inilah terletak tanggungjawab dan kita daripada Ahli Dewan Negara ini banyak-banyak yang kita boleh buat bercakap di dalam Dewan ini. Kalau kita pergi ke pejabat, kita tidak boleh berbuat apa-apa. Yang boleh hanya bercakap di Dewan ini sahaja. Itu pun kalau di dengar dan hendak digunakan.

Tuan Yang di Pertua, eloklah pegawai-pegawai yang ada sekarang yang muda-muda, yang kami harapkan mereka keluar dari universiti membawa ijazah-ijazah yang besar, yang kami harap akan membawa tongkat sakti yang boleh membetulkan masyarakat yang tidak seimbang ini, dan mengharapakan kejujuran daripada mereka-mereka itu. Mereka patut menanyakan diri mereka sendiri

sebelum rakyat tampil ke hadapan menanyakan satu demi satu. Apakah khidmat yang diberikan kepada rakyat oleh pegawai-pegawai kita telah memuaskan hati rakyat? Itu harus ditanya. Seorang peon di satu pejabat, adakah kerjanya sebagai seorang peon telah memuaskan hati seorang rakyat yang menghantar surat ke pejabat itu? Kalau dia sebagai seorang Pegawai Daerah, apakah tugasnya sebagai seorang Pegawai Daerah telah memuaskan hati rakyat yang membayar cukai tentang permohonan tanah T.O.L. nya yang 15 tahun tidak selesai?

Ini harus ditanya oleh mereka, kepada diri sendiri. Rakyat sudah mula bertanya kepada Kerajaan, hantar protest kepada Kerajaan. Bagi Setiausaha Kerajaan hanya satu sahaja tindakan yang boleh dibuatnya, pegawai itu ditukarkannya ke tempat lain. Masaalah itu tidak selesai juga dan Setiausaha Kerajaan ini pula patut bertanya kepada kepalanya sendiri apakah dengan menghantar pegawainya dari satu daerah kepada satu daerah, satu department kepada satu department dapat memuaskan kehendak rakyat ataupun tidak, sebab saya katakan demikian, Tuan Yang di Pertua, eloklah juga kita memikirkan bahawa 67.96% kita peruntukan untuk sara hidup mereka itu di dalam mentadbirkan pengawasan rakyat yang kita harap mereka menyelesaikannya di dalam tempoh yang sesingkat-singkatnya.

Adakah pegawai-pegawai kita sedar bahawa rakyat yang membayar cukai itu masih belum mendapat layanan yang wajar dari sebahagian pegawai-pegawai kita? Saya tidak katakan semua, tetapi ada, ada di antara pegawai-pegawai kita yang cakap, lagak, cara dia melayan rakyat tidak memuaskan hati. Saya harap sivik ini harus diperbanyak dan, saya rasa, pegawai-pegawai muda kita yang akan keluar yang akan memimpin negara ini dari masa ke semasa akan merasakan ini sebagai suatu yang diberikan keutamaan di dalam pentadbiran negara kita.

Pegawai-pegawai yang mendapat peruntukan negara ini telah tinggal di kawasan-kawasan dan rumah-rumah yang baik. Keluar daripada universiti, hari ini besok dia jadi pegawai, lusa dia boleh memohon mendapat loan kereta atau dia boleh mendapat loan rumah dan sebagainya.

Pegawai-pegawai ini mendapat peruntukan dan kita berasa bangga dengan kemudahan-kemudahan ini bukan sahaja dengan rumah, dengan kereta juga dengan lampu dan air dan kemudahan-kemudahan yang banyak. Cuba mereka tanya kepada diri sendiri, apakah rakyat yang membelanjai mereka itu telah mendapat kemudahan-kemudahan yang serupa dengan apa yang mereka telah dapat? Sudahkah kampung-kampung yang dipunyai oleh rakyat beratus tahun itu telah dimasukkan lampu letrik, sudahkah air paip menjalar masuk ke kampung mereka, sudahkah jalan-jalan yang berdebu ditukar menjadi jalan-jalan yang berpatutan untuk mereka? Ini cuba ditanya. Soal wang, kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada masalah. Ertinya hendak, beri. Tetapi kenapa perkara-perkara yang seperti ini berlaku? Ada kampung-kampung di Kuala Lumpur ini sendiri wire letrik itu lalu di atas bumbung rumah kampung itu, tetapi kampung itu gelap daripada lampu letrik. Itu mustahil, saya rasa, sebuah bandaraya yang begini kita boleh melihat lampu letrik begitu menyala, lebih-lebih lagi dalam hari-hari besar, wah! macam surga nampaknya negeri kita, tetapi ada kampung-kampung daripada rakyat yang membayar cukai, air yang diminumnya dibayar cukai, kopi dibayar cukai, baju dibayar cukai, masih meratap menangis meminta diadakan letrik. Bertukarlah dari pegawai kepada pegawai, kadang-kadang fail itu pun hilang. Jadi siapakah yang salah? Perdana Menteri yang salah, kami wakil rakyat-kah yang salah, Ahli Dewan Negarakah yang salah, Tuan Yang di Pertuakah yang salah, atau pegawai yang salah? Kalau kita hendak hukum, siapa yang salah? Kenapa perkara ini berlaku begini?

Inilah yang saya harap supaya pegawai-pegawai kita ini diberikan kesedaran, meningkatkan kesedaran bahawa mereka telah mendapat wang tiap-tiap tahun yang kita belanjakan ini, dua bulan lamanya di atas di Dewan Rakyat, 10 hari kita ini kerana kita ini barangkali cap sahaja, wang yang dibelanjakan untuk negara itu beratus juta, dua kali lipat ganda 67.96% diberikan kepada pegawai-pegawai. Ini harus kita sedar dan kalau rakyat tahukan soal ini dengan begitu meluas, saya tidak tahu apa akan berlaku. Kalau rakyat tidak mendapat peruntukan yang wajar untuk mereka itu.

Tuan Yang di Pertua, kalau kita berani mengakui bahawa berpuluh-puluh ribu rakyat

masih tinggal di dalam kegelapan. Kita buat sekolah, misalnya. Di kampung saya, di kawasan saya dahulu, Tuan Yang di Pertua, yang berdekatan dengan kawasan Yang di Pertua, dahulu di Perak sekolah menengah dibuat untuk memberhentikan ratap tangis rakyat hendak menghantar anak ke Teluk Anson jauh sangat, maka di buatkan Sekolah Menengah di Chenderong Balai, kerana hendak disamakanlah dengan sekolah-sekolah di bandar. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, tahukah di sekolah itu tidak masuk lampu letrik. Kita hendak suruh bumiputra ambil sains dan teknologi, sains dan teknologi apa yang dia hendak buat, letrik pun tidak ada? Lab apa yang hendak didirikan di situ? Pelajaran sains dan teknologi perlu menggunakan laboratory, Kuasa letrik tidak ada. Minta pada L.L.N., "Oh! tidak boleh, tidak ekonomik". Masuk ke sekolah-sekolah dan rumah-rumah rakyat itu tidak ekonomik? Jadi ekonomik kepada L.L.N., yang mana? Masukkan ke kilang-kilang yang besar-besar dan ke lombong-lombong bijih, itu sahaja ekonomik? Ke sekolah-sekolah rakyat dan kampung-kampung tidak ekonomik. Cuba kita ajar sedikit kepala L.L.N. ini supaya dia berfikir sebagai rakyat. Jadi kita beri sedikit pelajaran kepada mereka. Hai! orang L.L.N. sejak daripada kepala besar sampai kepada kepala kecilnya berfikir lah engkau secara rakyat, janganlah berfikir secara kolonial. Kalau ada kepentingan, baharu dibuat.

Colonialist Inggeris dahulu memang begitu, kalau dia hendak buat jalan, kerana ada estetnya di sana, baharu dia buat jalan. Kalau tidak ada, dia tidak akan buat kerana percuma. Hendak buat jalan keretapi ke Telok Anson kerana ada kepentingannya, kalau tidak ada kepentingan jalan keretapi tidak dibuat. Kepala-kepala L.L.N. ini patut dirubah daripada kepala kolonial kepada kepala rakyat, janganlah diutamakan sangat keuntungan kerana keuntungan boleh dapat di tempat lain. Apa salahnya dibelanjakan untuk kepentingan rakyat? Rugi sedikit di sini tetapi di sana boleh mendapat keuntungan, apa salahnya? Dan rakyat itu membayar cukai. Tidakkah hak mereka itu mendapat sedikit kesenangan, lebih-lebih lagi sekarang ini Talivisyen Malaysia banyak menayangkan cerita-cerita baharunya, rakyat pun hendak tengok juga di kampung-kampung. Apabila padi ditanam dua kali

setahun, duit sudah banyak, janganlah ke Mekah sahaja empat lima kali, biarlah kemudahan diberikan juga kepada mereka.

Inilah, Tuan Yang di Pertua, yang saya rasa patut direvolusikan mental semua orang-orang ini, kalau tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehendak rakyat, bukankah sudah ada Akta Pencen, berhenti sahajalah, berilah peluang kepada orang lain, bukankah itu lebih baik, lebih gentleman, lebih menasabah?

Saya mengharapkan, Tuan Yang di Pertua, kita tidak akan temui pegawai-pegawai yang bersikap angkoh seperti saya sebutkan tadi, begitu juga pegawai-pegawai yang acoh tidak acoh; kata orang acoh tak acoh ini seperti buat tidak tahu sahaja dengan rakyat, apa hendak jadi, jadilah saya pegawai. Ada pegawai-pegawai berkata begini, apa yang tuan-tuan hendak kata, katalah saya ialah pegawai Kerajaan, mana parti yang memerintah pun saya pegawai juga. Saya tidak kira parti mana yang hendak memerintah, saya tidak kira parti mana yang berkuasa, saya pegawai. Saya ada pencen, saya akan dapat keutamaan-keutamaan. Saya harap jangan ada pegawai-pegawai berkepala begini sewaktu kita berkuasa sekarang—jangan ada. Tolonglah berusaha sungguh-sungguh dan gunakan kesempatan-kesempatan ini untuk kebaikan rakyat, kebaikan ibu bapa kita. Acoh tak acoh oleh pegawai-pegawai ini hendaknya kita harap tidak akan wujud. Kita tidak mahu mendengar ada permohonan rakyat yang sampai bertahun-tahun tidak diberi layanan. Kita tidak mahu mendengar jerit-pekek dari rakyat menuduh kecurangan-kecurangan yang berlaku oleh pegawai-pegawai kita.

Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di Pertua, di dalam kawasan saya yang dahulu saya menjadi Wakil Rakyatnya berpuluh-puluh, beribu-ribu ekar tanah telah ditanam dengan padi, sekarang ini ada yang ditanam dua kali setahun, sampai sekarang tidak mendapat grant, tidak mendapat surat pengakuan yang sah, masih TOL lagi. Bercucu-cicit, hamba Allah itu di situ, tetapi grant masih tidak dapat. Saya tidak tahu di mana salahnya. Sudah berpuluh-puluh, beratus-ratus D.O. yang datang tetapi tidak selesai. Rakyat memeekek supaya bendang itu dibuat parit yang sempurna supaya air senang masuk dan senang keluar. Semenjak muda dia menjerit sampai dekat hendak mati

keadaan tidak berubah. Saya balik-balik bertanya siapa yang salah ini, Tuan Yang di Pertua, kepada siapa kami hendak marah soal ini—kepada siapa?

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Tan Sri Abu Bakar Samad, yang baharu-baharu ini telah memberi satu ucapan yang sangat penting kepada pegawai-pegawainya yang sedang menghadapi satu kursus pentadbiran di Port Dickson. Ucapan itu saya rasa kalau setiap Ketua-ketua Setiausaha Kementerian memanggil pegawai-pegawainya dan menggunakan tektik yang digunakan oleh Tan Sri Abu Bakar Samad, saya rasa itu adalah baik dan saya berikan kepujian kepadanya. Di mana beliau telah mengingatkan pegawai-pegawai tersebut bahawa Kerajaan telah menguntukkan wang untuk Kementerian Pertahanan sahaja sebanyak \$680,000,000 bagi tahun ini dan ini katanya bererti Kementerian ini membelanjakan wang rakyat sebanyak \$2 juta sehari. Ucapan ini dibuat oleh Tan Sri Abu Bakar Samad di dalam ucapannya kepada pegawai-pegawai yang menerima kursus di Port Dickson. Saya suka memberikan ucapan tahniah kepada Tan Sri itu yang telah begitu berani mengatakan: Heh! pegawai, kepada kamulah diletakkan tanggungjawab, bahawa kamu sekarang ini bertanggungjawab membelanjakan wang rakyat \$2 juta sehari, jaga baik-baik. Ini suatu amaran yang baik, satu amaran yang sungguh-sungguh berkesan. Beliau telah mengesakan pegawai-pegawai tersebut agar melengkapkan diri di atas kesanggupan dan kejujuran serta kesungguhan di dalam menjalankan tugas masing-masing agar wang yang begitu besar benar-benar mendatangkan faedah kepada negara dan bangsa Malaysia ini.

Tuan Yang di Pertua, saya minta supaya Ketua-ketua Setiausaha Kementerian memberikan kursus-kursus yang seperti ini kepada pegawai-pegawai yang di bawahnya mengingatkan wang rakyat yang begitu besar yang telah dibelanjakan kepada mereka supaya dapat mereka balas balik setimbal sesuai dengan kehendak-kehendak rakyat sendiri.

Tuan Yang di Pertua: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Ya, panjang lagi.

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ini di-tempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.50 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, satu hal yang patut saya sentuh di dalam ucapan saya ini ialah soal pemborosan wang negara. Kita tahu dan Kerajaan juga tahu bahawa ada keborosan-keborosan berlaku di dalam membelanjakan wang negara kita ini. Kadang-kala kita lebih tertarik membeli sesuatu barang yang murah dibandingkan dengan barang-barang yang baharu, tetapi harganya mahal dengan kita mengeneipkan masa-masa penjagaan kepada barang-barang yang murah dan terpakai ini lebih besar belanja penjagaannya daripada membeli barang-barang yang baharu yang tidak begitu penting membelanjakan wang tambahan. Ini suatu keborosan berlaku di dalam membelanjakan wang negara.

Satu jalan lain yang memboroskan wang negara kita misalnya daripada Jabatan J.K.R. buat satu jambatan, katakanlah Jambatan Jerneh belanjanya murah, jambatan dapat, tetapi J.K.R. tidak memikirkan berapakah jumlah wang yang harus dibelanjakan untuk memelihara jambatan itu. Dia di bawah kalau datang bah habis, tak dapat digunakan dan kalau berlaku kerosakkan hendak diperbaiki lagi. Beginilah halnya yang berlaku di Jambatan Temerloh, Jambatan Idris dan banyak lagi jambatan-jambatan di negara kita ini yang pegawai-pegawai kita lebih suka menerima pandangan daripada expert-expert luar negeri. Maka dibuatlah jambatan Temerloh kata expert luar negeri belanjanya hanya \$5 juta, murah. Expert luar negeri ini lupa bahawa negeri kita ini ialah negeri kayu-kayan. Kayu-kayu balaknya kalau hanyut, subhanallah, besarnya boleh meruntuhkan bukan sahaja jambatan, istana, rumah besar pun boleh diruntuhkannya. Dengan mengeneipkan suasana di negara kita ini maka pegawai-pegawai kita menerima nasihat daripada expert luar negeri maka dibuatlah jambatan macam ini. Akhirnya belum sempat digunakan jambatan itu runtuh. Bila runtuh wang rakyat \$5 juta itu, masuk Sungai Pahang. Kemudian sekarang diperbaikilah

jambatan itu belanjanya barangkali mungkin sebanyak itu juga. Maka asyik pergi balik jambatan itu akan berharga lebih \$15 juta katakanlah begitu. Alangkah baiknya kalau kita menggunakan fikiran, pandangan dan pendapat ahli-ahli expert dalam negeri sendiri supaya wang negara kita ini tidak dibelanjakan dengan begitu boros. Keborosan itu berlaku berjuta-juta ringgit. Begitu juga Jambatan Idris di Perak pada musim bah tahun 1971 kalau tak salah saya jambatan yang begitu rendah mengikut pendapat dan intelek orang sekarang rendah, tiangnya rapat-rapat, kukuh katanya, akhirnya Sungai Perak yang membawa kayu-kayu balak hampir kira-kira ada 20 ekar luasnya kayu-kayu balak yang tersangkut di jambatan itu. 20 ekar luasnya, Tuan Yang di Pertua, yang kemudian kayu-kayu balak yang hanyut ini meruntuhkan jambatan Idris, runtuhlah jambatan itu ke dalam sungai. Yang runtuh bukannya jambatan, wang rakyatlah yang runtuh. Akhirnya diperbaiki lagi dan sekarang barangkali harganya hampir memakan belanja \$3 juta, wang rakyat lagi.

Tuan Yang di Pertua, alangkah baiknya kalau Jabatan Kerja Raya ini mempunyai expertnya sendiri. Kalau hendak buat satu plan jambatan, rumah, bangunan, sekolah eloklah disempurnakan dengan lancarnya dengan jalannya, dengan jambannya, dengan segala macam dalam plan itu. Jangan nanti sudah dibuat bangunan ini jambannya kurang. Tambahan daripada kekurangan ini tidak perlu diadakan tender lagi dan diberikan kepada kontrekter yang sudah membuat bangunan itu dan tambahan ini memerlukan wang yang banyak dan sesudah daripada itu kita akan dapat satu bil minta wang tambahan daripada Parlimen. Minta wang tambahan daripada Parlimen ialah akibat daripada kecuaiannya yang dilakukan oleh pegawai-pegawai kita sendiri daripada membelanjakan wang rakyat. Dosa ini mestilah mereka pikul.

Saya harap, Tuan Yang di Pertua, supaya diperkukuhkan kedudukan Jabatan Odit di negara kita ini. Jabatan Odit kita, kalau kurang orangnya hendaklah ditambah, kalau kurang expert-expertnya hendaklah ditambah juga dan memperinci wang rakyat yang diminta oleh jabatan-jabatan ini dan ditengok betul-betul, kerana Jabatan Odit adalah jabatan yang diamanahkan oleh

rakyat untuk menjaga setiap sen yang diminta dari Dewan ini untuk membelanjakannya dan setiap satu sen yang kita minta tambahan cukai kepada rakyat, maka Jabatan Oditlah yang bertanggungjawab di dalam mengodit wang-wang ini jangan terlalu boros dan jangan berlaku perbuatan-perbuatan rasuah, perbuatan-perbuatan yang tidak menyenangkan.

Jabatan Odit boleh bertanya kepada jabatan atau Kementerian atau kepada sesiapa juga bertanggung-jawab kenapa dia membeli kereta ini, katakanlah hendak membeli sebuah kereta, kenapa dibeli kereta yang telah dipakai. Maintenance untuk menjaga kereta ini mana lebih banyak daripada membeli kereta yang baharu.

Jabatan Odit harus menanyakan soal ini dengan sedetail-detailnya dan, kalau perlu, jangan meluluskan, kerana itu adalah menjaga kepentingan wang rakyat. Kita harus menggunakan satu dasar membeli ataupun mengusaha ataupun untuk membina suatu bangunan yang baik teratur lebih kita utamakan daripada perkara-perkara, bangunan-bangunan atau kenderaan atau alat-alat yang murah tetapi kita terpaksa membelanjakan memperbaikinya berlipat-ganda daripada asalnya.

Itulah, Tuan Yang di Pertua, saya mencadangkan supaya Jabatan Odit Negara akan memerhatikan soal keborosan ini dengan serious dan pegawai-pegawai yang benar-benar didikasi dan bertanggung-jawab hendaklah ditambah dalam jabatan ini agar dapat memberikan pengawalan yang ketat ke atas keborosan-keborosan yang mungkin berlaku di Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

Jabatan Odit adalah sesungguhnya rakyat meletakkan kepercayaan, rasa saya, dan mereka harus mempertahankan setiap sen wang rakyat dibelanjakan dengan tidak secara berfaedah malahan mereka menjaga supaya wang itu berfaedah untuk negara dan rakyat. Jika pemborosan wang negara itu dibiarkan dengan tidak diperhatikan dengan beratnya, maka akibatnya ia akan merupakan satu penyakit yang sukar diubet. Sudah menjadi amalan nanti kalau orang tahu bahawa Jabatan Odit tidak begitu mengambil tahu, tidak begitu serious, tidak begitu ketat menjaga wang rakyat, maka tambahan-tambahan wang yang diminta akan berlebihan dan amalan-amalan itu akan menjadi

kronik, akan menjadi penyakit yang sukar hendak diubet kerana disitulah mungkin akan terdapat beberapa peruntukan dengan cara yang tidak halal.

Jika sekiranya Jabatan Odit kita itu menjalankan pengawasan tidak sempurna, tak dapat berjalan, tak sanggup kerana katanya Jabatan ini pegawainya tak cukup, kakitangan tak cukup, saya mencadangkan supaya kita memperkuatkan atau memperlengkapkan Jabatan Badan Pencegah Rasuah (A.C.A.).

Jabatan B.P.R. ini kita perkuatkan. Kalau Jabatan Odit kurang atau tak cukup orang, harus ditambah dengan Jabatan Badan Pencegah Rasuah.

Pada satu masa dahulu B.P.R. ini merupakan nombor dua yang ditakuti dalam negara kita. Nombor satu yang ditakuti ialah Tuhan. Yang kedua B.P.R.; di antara Pegawai B.P.R. yang paling ditakuti sebagai malaikat ialah yang bernama Harun Hashim. Malaikat itu dia tahu di mana engkau simpan duit, di mana engkau letak, di mana engkau larikan. Ini malaikat cukup pandai.

Pada satu masa dahulu Encik Harun kita ini menjadi orang yang paling ditakuti, kerana dia menjalankan tugasnya menangkap segala ikan-ikan paus, dan jerong yang menghisap darah rakyat, ditangkap dibawa ke mahkamah, diseret ke sana. Tetapi tak berapa ekor ikan besar itu ditangkap rupanya. Manakala kita tengok yang banyak tersedar di pasar-pasar ialah ikan-ikan bilis; ikan jerong tak berapa ekor, cuma satu ekor sudah cukup, tetapi yang paling banyak ialah ikan temenong yang cari makan di tepi pantai. Inilah yang banyak terkorban. Saya mengharap supaya B.P.R. ini diperhebatkan.

Sewaktu saya pergi keluar negeri baru-baru ini orang luar paling menghormati negara kita, terutama sekali di dalam tindakan B.P.R. yang telah bertindak demikian berani sehingga ada orang yang berjabatan tinggi terpaksa diseret, dirampas hartanya dibawa ke mahkamah dengan tidak peduli engkau siapa, tetapi demi untuk kepentingan wang rakyat dan negara, engkau terpaksa aku seret, kerana engkau telah melakukan perbuatan yang curang.

Tuan Yang di Pertua, kalau ini kita perkuatkan, pegawai-pegawai kita itu boleh bertanya kepada jabatan-jabatan tertentu, kenapa dia meminta wang yang bertambah-tambah dari semasa ke semasa. Kenapa

berlakunya jambatan itu runtuh, kenapa berlaku jambatan ini harus diperbaiki balik. Siapa dia yang bertanggungjawab dalam soal ini? Orang-orang itu jangan diberi maaf, mesti diseret, jangan diberi maaf, kerana mereka telah membelanjakan wang rakyat masuk ke dalam sungai. Oleh itu dia harus dimasukkan juga ke dalam sungai oleh B.P.R. Dan kalau B.P.R. bertindak dengan demikian hebat, saya rasa, pegawai-pegawai Kerajaan yang lain akan gentar juga dalam membelanjakan wang rakyat yang diamanahkan oleh Parlimen ini kepada mereka. Kalau tidak, akan kita jumpailah nanti setelah mereka memegang jawatan Kerajaan dan keluar dari Jabatan Kerajaan dia akan menjadi Pengarah Urusan kepada satu syarikat yang telah direstuinya sewaktu dia memegang jabatan itu sendiri. Ini harus diperhatikan oleh Kerajaan dan kita dapat memerhatikan sekarang, berapa banyak orang-orang yang telah berhenti daripada pegawai Kerajaan yang sekarang ini memegang suatu perindustrian atau sesuatu perusahaan yang mungkin ada hubungan waktu dia memegang jawatan dalam Jabatan Kerajaan. Kenapa B.P.R. tidak bertanya di situ. Apa sebabnya engkau yang lantik menjadi Pengurus Perusahaan ini dan tidak dia? Tanya. Bolehlah tanya, kenapa tidak saya. Orang tak kenal saya siapa. Tetapi kalau saya seorang pegawai Kerajaan yang mempunyai sesuatu kekuasaan yang merestui sesuatu perusahaan, bila saya keluar bersara, saya akan mendapat faedah daripada tempat yang saya tolong itu. Dan B.P.R. harus bertanya kepada saya, kenapa saya dipilih menjadi Pengarah Urusan kepada firma itu. Dan kalau itu kita tangkap, dapat jerong dua tiga ekor, saya rasa, tidak akan ada lagi jabatan yang akan menggunakan kuasanya untuk kepentingan masa depannya sendiri setelah bersara atau dipersarakan dengan hormat atau dengan tidak hormat dari jabatan itu. Jadi oleh kerana itu, saya menggesa supaya B.P.R. ini diperkukuh dan kalau mungkin kita perlu panggil balik Encik Harun Hashim memegang jawatan itu dan kita berikan kepadanya kuasa-kuasa yang tertentu. Tetapi ada pula satu hal, ahli-ahli B.P.R. ini ialah manusia. Siapakah B.P.R. di atas B.P.R. ini pula?

Tuan Yang di Pertua, di sinilah terletaknya kejujuran. Di sinilah terletaknya keikhlasan dan kejujuran kita terhadap negara kita. Kita tahu negara-negara yang lebih besar dalam

dunia telah hancur, negara-negara yang lebih kaya dari negara kita telah menjadi habu setengahnya kerana corrupt, kerana otaknya yang berselaput, kerana fikiran yang kolot daripada pemimpin-pemimpin untuk mencari kepentingan dirinya sendiri akhirnya rakyatlah yang menderita.

Alhamdulillah negara kita tidak sampai demikian tenat, tetapi kita perlu menjaga untuk memelihara penyakit. Mencegah penyakit adalah lebih utama daripada memberi ubat kepada si sakit itu sendiri. Menteri Tugas-tugas Khas tentulah tahu soal ini. Kita jaga jangan orang sakit, lebih senang daripada kita bagi ubat. Boleh jadi ubat yang kita berikan itu suruh dia mati.

Tuan Yang di Pertua, saya harap B.P.R. ini akan diperbesarkan dan di dalam usahanya pula janganlah dicari ikan-ikan bilis sahaja, janganlah cari polis-polis di tepi jalan, kerani-kerani, pion-pion, janganlah dicari hanya pegawai-pegawai rendah yang gajinya tak lebih dari \$200 tetapi carilah orang-orang yang sebenarnya telah menggunakan wang dan kesempatan ini untuk dirinya sendiri yang besar-besar belaka.

Untuk menambah terkawalnya wang negara dari dibelanjakan dengan sewenang-wenangnya, Tuan Yang di Pertua, Kerajaan harus juga menambah kegiatan mahkamah agar orang-orang yang benar-benar bersalah yang telah dibawa ke mahkamah, tentulah mahkamah kita ini terlalu liberal, hendak dicari dia punya tanda, saksi dan bukti dan segala macam, barulah hendak dijatuhkan hukuman. Tetapi, saya rasa kegiatan mahkamah-mahkamah kita ini dan kalau dapat hakim-hakim kita menggunakan fikirannya sendiri di samping menggunakan pendapat undang-undang bahawa menyelamatkan manusia yang ramai paling diutamakan daripada menyelamatkan manusia seorang, kalau kita menganggap bahawa perbuatan itu benar-benar telah merugikan negara dan rakyat.

Orang-orang yang didapati bersalah kerana melakukan rasuah, membelanjakan wang negara secara boros, kalau didapati benar-benar bersalah, saya minta supaya mahkamah menjatuhkan hukuman berat, tidak denda kepada mereka, kerana mereka telah menggunakan wang rakyat dengan secara tidak halal.

Tuan Yang di Pertua, kita sekarang sedang berada di dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia Yang Kedua. Seperti saya kata tadi, dan wang yang hendak kita belanjakan di dalam Rancangan Lima Tahun ini kalau saya tidak salah ialah sebanyak \$14,000 juta, swasta dan pemerintah. Adakah kita sedar dan Kerajaan sedar bahawa dalam jumlah yang begitu besar dalam jangka waktu yang begitu lama iaitu lima tahun, tidak berlaku kecurangan? Adakah kita sedar dalam masa begitu tidak akan berlaku kecurangan? Tidak berlaku keborosan di dalam perbelanjaan? Jika kita mengambil bahawa keborosan harus berlaku sebanyak tidak lebih 10% sahaja daripada jumlah \$14,000 juta tadi maka bererti berapakah wang yang dibelanjakan dengan secara boros kalau \$14,000 juta dibelanjakan untuk pembangunan lima tahun dan berlaku keborosan 10% sahaja bermakna sejumlah \$140 juta akan didapati dibelanjakan dengan secara yang boros, \$140 juta kita akan jumpai boros, masuk dalam sungai. Ini bererti setiap tahun, kalau berlaku begitu betul, setiap tahun keborosan berlaku kira-kira \$28 juta kalau penjagaan pemeliharaan tidak kita jaga, dalam masa lima tahun ini, sekarang sudah berjalan dua tahun, dua tahun setengah, cukup lima tahun, tahun 1976 kita kaji, rupanya keborosan berlaku 10% daripada peruntukan wang sebanyak \$14,000 juta, bermakna \$140 juta hilang kerana keborosan. Ini akhirnya kita akan temui juga kalau kita tidak jaga sekarang. Kalau ini telah disedari oleh Kerajaan, saya hendak bertanya, apakah langkah yang harus diambil oleh Kerajaan. Saya menggesa Kerajaan supaya langkah-langkah keselamatan harus diambil dari sekarang lagi agar wang negara yang juga bererti wang rakyat tidak akan hilang dengan percuma. Andainya ini telah diambil langkah dan tindakan yang positif, saya rasa Menteri Kewangan tidak perlu datang lagi ke dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara atau ke dalam Parlimen meminta atau mencadangkan kenaikan cukai terutama sekali cukai buah-buahan yang telah menjadi perbincangan yang panjang oleh Yang Berhormat Dr Mahathir tentang cukai buah-buahan yang telah dinaikkan.

Saya rasa tidak perlu cukai buah-buahan dinaikkan kalau penjagaan daripada keborosan wang rakyat ini dapat dipelihara. Kepercayaan rakyat kepada Kerajaan ini akan bertambah dan kekokohan Kerajaan kita akan ujud dan wang yang dibelanjakan serta

yang diminta oleh Kerajaan menasabah dan dapat diterima oleh rakyat.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di Pertua, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah berusaha bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negara dalam menampung kekurangan-kekurangan dengan berbagai-bagai rancangan serta mencari ikhtiar-ikhtiar supaya wang negara ini dapat dikutip, tetapi seperti yang saya tekankan tadi, pegawai-pegawai, pemimpin-pemimpin Kerajaan haruslah menjaga wang rakyat ini, wang negara ini jangan dibelanjakan dengan secara boros dan tidak berketentuan.

Tuan Yang di Pertua, akhir sekali saya suka menarik perhatian kepada ucapan Yang Berhormat sahabat saya yang baharu balik daripada Mekah, yang telah begitu bernafsu di dalam Dewan ini menceritakan apa yang telah dilaluinya. Saya mendoakan supaya apa yang dikerjakan dan diamalkannya di Mekah adalah mendapat haji mabrun dan sa'i yang masyhor serta tijarah-lamtabor. Tidak tahulah saya, Tuan Yang di Pertua, bahawa Tuhan akan menerima ibadat hajinya itu di Mekah. Tetapi saya tertarik hati dengan beberapa kecaman yang telah dikemukakan terutama sekali kepada pengawasan-pengawasan orang-orang Haji manakala pergi ke Mekah. Soal kesulitan orang-orang Haji hendak ke Mekah sejak kita bertolak bukanlah satu perkara baharu. Bukanlah pada masa Yang Berhormat itu pergi baharu berlaku, tetapi sejak orang kenal Mekah dan sejak orang pergi ke Mekah hal ini telah berlaku. Setiap orang yang balik daripada Mekah dan memakai serban dikepalanya akan bercakaplah di dalam Dewan ini tentang keburukan-keburukan, kesulitan-kesulitan yang dirasakan sejak dia bertolak sampai dia pulang.

Tuan Yang di Pertua, kita pergi ke Mekah bukanlah piknik. Kita hendak beribadat dan orang yang pergi ke Mekah kita sudah menyebutkan kepada mereka itu jangan bawa barang, semuanya ada di Mekah. Waktu kami sama-sama dahulu pergi ke Mekah hanya brief case dan wang sahaja yang dibawa. Lain tidak ada. Apa yang kita hendak di Mekah semua ada. Beras ada, gula ada, belacan ada, cencalok ada, petai ada, jering ada, semua ada. Tidak ada yang kurang, apa yang kita hendak, tetapi orang kita ini tidak mahu mendengar nasihat. Janganlah dibawa apa-apa, bawa sahajalah wang, tetapi orang kita

hendak menyusahkan badan sendiri, maka susahlah dia di Pelabuhan Kelang, mengangkut barangnya berpikul-pikul. Manakala dia mengangkut barang berpikul-pikul masuk ke kapal—susah, disalahkannya orang lain. Sheikh Haji yang tidak betul, Polislah yang tidak betul, sianulah yang tidak betul, passlah yang tidak betul, Tabung Hajilah yang tidak betul, kapallah tidak betul, kaptenlah tidak betul, kelasi yang tidak betul. Yang betul, aku. Ini berlaku pada tiap-tiap tahun kita dengar. Saya harap, pengalaman ini akan dirasai oleh semua orang selama bakal Haji tidak dapat mengamalkan nasihat yang dibuat oleh Tabung Haji supaya mereka jangan menyusahkan diri sendiri. Manakala kita naik kapal, kapal yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, saya telah meminta kepada Pengurus kapal ini supaya saya naik kapal itu, belayar daripada Pelabuhan Kelang ke Pulau Pinang. Saya sendiri meminta atas nama jawatan saya, supaya saya menengok Jemaah Haji yang hendak pergi ke Mekah dengan kapal yang pertama yang dinamakan "Malaysia kita". Saya bertolak di sini sampai ke Pulau Pinang dan saya jumpai semua orang yang menjadi Jemaah dalam kapal itu dan saya menggunakan pembesar suara minta siapa juga yang tidak berasa puas hati supaya datang berjumpa supaya saya dapat mengemukakan apa yang perlu dikemukakan kepada yang patut dikemukakan. Semua saya dapat jumpa, melainkan Ahli Yang Berhormat ini tidak saya jumpa di dalam kapal, semenjak saya bertolak sampailah petang esok di Pulau Pinang, saya tidak dapat berjumpa. Saya telah berjumpa semua pegawai dalam kapal itu. Apa yang saya telah dapat diberitahu bahawa persiapan makanan cukup dan kantin kapal akan dibuka setelah dua hari kapal berlayar di Pulau Pinang. Tidak sedap makan dalam kapal memang biasa. Kalau kita sudah mabuk, apa yang sedap? Kalau sudah mabuk, isteri kita pun suruh jauh-jauh daripada kita, kalau kita sudah mabuk. Dalam kapal begitu jugalah, Tuan Yang di Pertua, kalau kita sudah mabuk, mabuk laut, perut hendak keluar isinya, daging ayam pun tidak sedap. Kalau yang tidak sedap ini menjadi alat atau alasan untuk mengatakan tidak betul, saya belumlah dapat menerima, sebab saya sudah tiga kali pergi ke Mekah. Ketiga-tiganya Haji Akhbar belaka, saya pergi ke Mekah melalui kapal, melalui udara, jalan kaki pun ada. Saya tidak ada kepentingan apa-apa dalam kapal ini, kepentingan apapun tidak

ada dalam kapal ini, kapal ini bukanlah Kerajaan punya, tetapi kapal ini dinamakan Great Malaysia Line (G.M.L.), satu-satunya kapal yang diusahakan sekarang ini oleh sebahagian besar bumiputra dan rakyat Malaysia.

Inilah kalau sekiranya kita hendak bunuh-pun, inilah satu daripada usaha bumiputra yang kita hendak bunuh yang tadi kita katakan kita hendak tolong. Dahulu sebelum G.M.L. ini, kapal Cina Navigation yang datang daripada Hong Kong, kapal Kuala Lumpur, Anson. Saya pernah, Tuan Yang di Pertua, naik kapal Kuala Lumpur ini terbakar di tengah laut bunyi locing, bomba pun ada di tengah laut. Tetapi tidak siapa pun complain kerana orang puteh punya. Orang puteh yang jalankan, tidak siapa complain, banyak orang pergi, ada juga complain sedikit, tetapi lepas itu diam sahaja. Tetapi Great Malaysia Line (G.M.L.) adalah mula-mula sekali diusahakan oleh bumiputra kita dan rakyat Malaysia untuk hendak mengangkut jemaah-jemaah haji ke Mekah, walaupun mereka itu belum mempunyai pengalaman yang lama, baharu dua kali, dua tahun, maafkanlah mereka ini. Dan kita sama-sama menasihatkan apa yang patut dinasihatkan. Jangan hendak tarik kaki kawan. Jangan hendak rebut pinggan kawan, nanti pinggan kita direbut orang pula. Jadi sebab itu, Tuan Yang di Pertua, saya tidak hendak menceritakan ataupun hendak bercakap panjang dalam soal ini. Saya harap supaya setiap jemaah haji yang balik daripada Mekah pengalaman yang dilaluinya tidak boleh tidak mesti dilalui seperti itu, hanya kesabaran sahajalah yang akan menjadikan dia haji yang mabrun dan sa'i yang masyhur. Kalau kita pergi ke Eropah sekali pun pada zaman musim panas dan saya pernah pergi ke Eropah di musim panas, Tuan Yang di Pertua, di London itu kalau kita hendak cari sebuah bilik yang berharga A\$20 satu malam pun payah atau ke Eropah kita hendak cari payah sebab berkerumun semua sekali. Kalau kita pergi ke negeri Jerman, France umpamanya dalam musim panas, ada orang yang tidor di tepi jalan kerana tidak ada hotel. Kalau soal itu berlaku, maka di Mekah 1½ juta umat yang pergi mengerjakan ibadat haji ke Mekah berlainan daripada orang yang duduk di Mekah.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di Pertua, untuk penjelasan. Saya tidak pernah mengatakan

masaalah kesulitan Jumaah haji yang duduk di Mekah. Apa yang saya katakan ialah masaalah urusan kapal yang dibuat oleh Tabung Haji. Masaalah apa yang berlaku di Mekah, saya tidak pernah menyebutnya dalam Dewan ini. Sila semak balik ucapan saya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Saya pun tidak kata dia kata begitu (*Ketawa*). Cuma saya katakan siapa yang pergi ke Mekah dengan pengalaman yang begini akan ditemuinyalah. Saya tahu dia tidak kata begitu, sebab itu saya tidak refer ucapannya, yang tadi betul. Kalau kita tengok, Tuan Yang di Pertua, di Mekah ada 1½ juta umat selain daripada orang Mekah sendiri, maka tempatnya sempit, tentu sulit. Saya harap jemaah-jemaah haji atau bakal-bakal jemaah haji bersabar dalam soal ini. Inilah suatu usaha, satu amal yang kalau kita harap Tuhan menerimanya, kita kenalah bersabar banyak-banyak.

Tuan Yang di Pertua, akhirnya sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di Pertua yang telah membenarkan saya bercakap begini panjang.

Inilah kali pertama saya bercakap dalam Dewan ini dan saya harap tidak kali yang akhir.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk mengambil peluang bercakap sedikit, panjang juga tetapi tidak terlalu panjang, berhubung dengan perbincangan mengenai dengan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1973.

Sebelum itu, Tuan Yang di Pertua, oleh kerana Dewan kita pada kali ini ada menerima orang-orang baharu iaitu Ahli-ahli baharu yang baharu mengangkat sumpah di mana mereka juga membawa pengalaman mereka yang lama dari Dewan rendah kepada Dewan yang tinggi ini, saya harap Dewan ini akan bertambah baik dan bertambah matang dalam perbincangan dengan perbincangan-perbincangan dan percakapan yang bersifat Parlimentarian.

Dalam pada itu, Tuan Yang di Pertua, saya ingin menarik perhatian semua kita atas kehilangan sahabat kita Yang Berhormat Tuan Mohd. Hanipah yang telahpun meninggalkan kita sebelum Dewan ini bersidang dengan satu keadaan yang mengejutkan dan jenazahnya telah dibawa balik dari Kuala Lumpur ke Alor Star.

Tuan Yang di Pertua, dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam Dewan ini seperti saya kata akan bertambah matang perbincangan kita. Saya mengharapkan juga peranan bahasa Malaysia sesudah 10 tahun Malaysia kita kerana ini adalah tahun 1973 akan dapat digunakan dengan rancak sebagai langkah ke hadapan untuk mempercepatkan perpaduan bagi seluruh rakyat di negara kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, mulai bulan Januari tahun 1973 ini berlaku perubahan politik di negara kita yang kadang-kadang tidak dapat dipercayai oleh sebahagian orang bahawa PAS dan Perikatan dapat mewujudkan sebuah Kerajaan Campuran, tetapi hal ini boleh berlaku. Memang banyak perkara boleh berlaku di atas muka bumi ini dan tidak harus diajibkan atau terperanjat. Soal PAS ikut serta di dalam Kerajaan Campuran ialah suatu soal yang difikirkan dengan matang kerana kepentingan negara ini sendiri. Saya tidak perlu membuat ulasan panjang, tetapi apa yang saya harapkan Kerajaan Campuran ini akan jadi lebih dinamik dalam amalan disamping membetulkan banyak kesilapan-kesilapan yang dilakukan sebelum adanya Kerajaan Campuran yang PAS ikut campur ikut memikul segala kesilapan-kesilapan itu yang mengambil masa beberapa lama untuk memperbaikinya kembali. Kita mahu Kerajaan Campuran berjalan dengan tegas, jujur dan licin supaya dapat mengembalikan imej kita kepada semua pihak, kerana orang yang mengetahui tentu mengetahui bahawa ada beberapa yang tidak menyenangkan dan hal itu perlu diperbetulkan supaya kita dapat menggambarkan kejayaan pada masa hadapan apabila kita mengujudkan Kerajaan Campuran dengan maksud mengujudkan satu barisan kebangsaan bagi mengkokohkan perpaduan dan menstabilkan kedudukan politik di negara kita.

Bagaimana sekali pun, Tuan Yang di Pertua, saya suka menarik perhatian iaitu Kerajaan yang baik yang diharapkan ialah Kerajaan yang mempunyai pemimpin yang baik dan yang akan berbahagia kemudiannya ialah pemimpin yang bersedia dan mengharapkan kawan-kawannya menegor jika dia membuat kesilapan sebelum lawannya menyerang beliau sendiri.

Dalam keadaan seperti itu, peranan saya, saya fikir tidak akan berbeza sekalipun dahulunya saya sebagai Pembangkang dan sekarang merupakan satu dalam barisan penyokong, tetapi sifat berkata benar, sifat menyuruh berbuat baik, sifat menegor berbuat jahat adalah sifat yang sehati dan itu telah saya lakukan dahulu, sekarang dan insya Allah saya akan lakukan pada masa akan datang.

Tuan Yang di Pertua, Parlimen kita ber-sidang untuk membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Di dalam Dewan timbul berbagai-bagai perbincangan kerana di sana masih wujud gulungan-gulungan pembangkang berlainan dengan sifat di Dewan Negara ini yang sudah tidak ada lagi Pembangkang dalam erti kata Pembangkang yang sebenarnya.

Tahun demi tahun kita telah melalui zaman membahaskan Belanjawan negara kita. Tiap-tiap tahun anggaran belanjawan bertambah besar kerana maksud-maksud keperluan negara kita yang sudah merdeka bertambah besar. Akan tetapi sungguhpun kita telah membelanjakan dengan begitu besar dan mengenakan cukai berbagai-bagai kerana mencari jalan mengatasi perbelanjaan kita, hasilnya belum dapat kita berbangga dengan sungguh-sungguh bahawa kita telah berjaya dengan cita-cita kita untuk mendekatkan, merapatkan jurang antara yang berada dan yang tidak berada.

Tuan Yang di Pertua, sebelum saya membincangkan perkara ini lebih jauh ada baiknya kita kembali sebentar kepada soal Parlimen kita kerana di dalam Rang Undang-undang ini pun, perkara Parlimen adalah perkara yang pertama sekali.

Parlimen adalah simbul suara rakyat dan demokrasi. Dengan wujudnya Kerajaan Campuran PAS dan Perikatan di mana hasrat kami dalam ikut membina nation dan negara ingin juga kami supaya dasar dan cita-cita PAS itu diserapkan sama di dalam Kerajaan, itu sebagai syarat, kita ikut serta di dalam Kerajaan Campuran.

Semua orang mengetahui bahawa dasar politik PAS ialah theo-democracy, Islam menghendaki sebuah negara yang bercurak theo-democracy, tetapi kita tidak boleh paksa sesiapa menerima konsep kita, disebabkan itu kita bersedia sekarang ini untuk ikut serta

dalam sebuah Kerajaan yang tidak seperti kita harapkan, tetapi kita mahu menyertai dan mahu supaya sedikit sebanyak diserapkan apa yang kita yakin, yang juga menjadi keyakinan sebahagian besar rakyat negeri ini.

Dengan wujudnya Kerajaan Campuran ini dengan persetujuan bersama-sama pemimpin-pemimpin kedua-dua pihak ingin mengambil (give and take) maka saya bercakap tentang Parlimen bahawa saya sukacita untuk menarik perhatian Tuan Yang di Pertua bahawa Parlimen yang kita buka pada tiap-tiap kali dengan Doa dengan menyebut nama Tuhan, ada baik sangat pada tiap-tiap petang kita berihat 15 minit untuk minum teh ditukar sedikit waktunya, kita rihtkan waktu tepat masuk Asar. Apabila waktu menunjukkan tepat waktu masuk Asar, Parlimen ini—Dewan Negara ini harus ditangguhkan pada waktu itu untuk 35 minit atau 40 minit supaya semua Ahli-ahli yang beragama Islam mengerjakan fardu Asar di dalam bangunan Parlimen ini di mana ada disediakan tempat sembahyang berimam. Yang seelok-eloknya bahawa Tuan Yang di Pertua Dewan Negara sendiri menjadi Imam. Itu adalah sifat ajaran Islam yang sejati, siapa yang menjadi ketua, dia harus memimpin sembahyang. Dan ini kalau dijalankan ertinya kita memberi sedikit nafas dalam pelaksanaan Kerajaan Campuran dari Parlimen tempat membuat Undang-undang ini. Dengan ini, merupakan satu ikhtiar dan semangat baharu kepada rakyat bahawa perubahan-perubahan akan didatangkan di dalam negara ini bagi kepentingan seluruh rakyat. Ada pun dalam mengerjakan sembahyang ini hanya orang-orang Islam, yang bukan Islam kalau mahu hadir sebagai observer itu tidak menjadi halangan apa-apa.

Tuan Yang di Pertua, Parlimen tempat kita membuat Undang-undang negara untuk masyarakat kita, dan Undang-undang memang dikehendaki oleh masyarakat baik dahulunya merupakan adat resam ataupun apa-apa juga tetapi dia adalah dikuat-kuasakan sebagai sifat Undang-undang, dan Undang-undang memang dikehendaki oleh masyarakat dan negara, maka kita harus membuat Undang-undang yang tidak bertentangan dengan kepentingan, keyakinan dengan jiwa kita sendiri, tetapi harus sesuai dengan kehendak masyarakat kita sendiri.

Pada masa yang lalu, saya beberapa kali telah menyarankan di dalam Dewan yang mulia ini tentang beberapa undang-undang

yang nyata sekali bertentangan dengan hasrat dan cara pemikiran masyarakat kita kerana undang-undang itu betul-betul diambil, disalin, diimplot daripada England. Jadi hal-hal yang semacam ini mesti dimulakan sungguh-sungguh bagi membuat perubahan.

Saya kembali kepada soal bahasa. Sudah beberapa kali kita bersidang, Dewan kita telah dapat menjalankan perbincangan dengan menggunakan Bahasa Malaysia. Saya harap dengan sedikit excuse oleh kerana ada kelemahan kepada setengah anggota pada masa yang lalu, tetapi dengan masuknya tahun 1973 di mana 10 tahun sesudah Malaysia, tahun di mana seluruh Malaysia dengan persetujuan Dewan Negeri Sabah dan Sarawak akan menjadikan bahasa Melayu—Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi, bahasa yang tunggal bagi seluruh Malaysia. Setiap kita insaf bahawa persoalan besar bagi kita ialah mencari perpaduan di antara kita sesama kita, maka semua kita faham bahawa bahasa adalah alat yang sangat penting untuk mendapat persafahaman dan perpaduan bagi mencapai matlamat negara dan bangsa kita.

Tuan Yang di Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, tadi telah saya sebutkan soal apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kata saya, saya akan membincangkan kemudian. Jadi sekarang ini saya belum pergi ke situ lagi, tetapi saya akan bercakap tentang kegelisahan dengan kenaikan harga barang-barang.

Di waktu yang akhir-akhir ini oleh kerana kenaikan cukai dari satu masa ke satu masa menyebabkan barang melambung tinggi.

Rakyat membayar cukai direct dan indirect, mereka yang menanggung segala beban, misalnya gula. Gula satu makanan utama kepada rakyat, dia terkena cukai maka naiklah harganya. Gula kurang, tetapi Kerajaan mengatakan bekalan cukup dan Kerajaan juga mengaku pada hakikatnya ada spekulasi yang menyebabkan jadi keributan dalam soalannya.

Tuan Yang di Pertua, perkara ini tidak harus dibiarkan selama-lama dengan amaran demi amaran. Kecukupan gula terjamin kata Kerajaan dalam jawapan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyebut bahawa kita telah berunding dengan Australia dan Fiji bagi mendapatkan sekira-kira satu per tiga daripada kehendak-kehendak gula bagi negeri kita.

Gula yang kita rundingkan, ialah gula mentah, gula yang belum diproses dan gula itu akan dibawa masuk ke kilang-kilang, dua kilang di negara kita untuk di proseskan. Dan kalau begini keadaannya, keadaan-keadaan kehilangan gula, tersembunyinya gula, naiknya harga gula spekulasi dalam hal ehwal gula ini tidak akan dapat di atasi, ini mungkin berulang lagi pada masa hadapan.

Gula, Tuan Yang di Pertua, merupakan makanan yang utama kepada rakyat. Bila seorang Ahli Dewan ini mencadangkan supaya Kerajaan berkempen kepada rakyat mengurangkan makan gula, Menteri menjawab, itu tidak boleh, sebab mengikut nasihat doktor, gula itu perlu, perlu ertinya manusia ini makan gula. Jadi adalah makanan yang utama.

Dua kilang yang ada di negara kita ini pada dasarnya tidak monopoli kerana dia bukan satu tetapi pada amalannya kedua-duanya boleh berpakat untuk memonopolikan keadaan gula di negara kita ini dan hakikatnya monopoli itu berjalan. Monopoli ini berjalan dengan memberi kesan yang sangat berat kepada rakyat. Ajen-agen boleh menyembunyikan gula dan berbagai-bagai lagi, saya tidak perlu mengulas terlalu panjang, tetapi mahu saya tegaskan kepada Tuan Yang di Pertua untuk perhatian Kerajaan. Kerajaan sedar bahawa sanya gula adalah makanan utama rakyat. Setiap benda yang menjadi bahan utama dan keutamaan kepada rakyat dalam konsep Islam seperti air adalah suatu yang utama kepada rakyat, tidak ada kehidupan melainkan air, maka hak mengawal air itu tidak boleh dikontrol oleh sesiapa, tetapi harus dipelihara oleh Kerajaan sendiri. Oleh kerana gula merupakan suatu hak makanan utama kepada seluruh rakyat, maka hak mengawal gula hendaklah dikawal oleh Kerajaan dengan melalui suatu Perbadanan Gula Negara.

Perbadanan Gula Negara harus diberi kuasa dengan undang-undang mengambil alih dua buah kilang yang ada di Malaysia kita ini dan mereka harus mengawal, perbadanan-perbadanan di tiap-tiap Negeri harus menjadi sole distributor, pembahagi tunggal yang boleh dibagi kepada semua kedai-kedai runcit kerana ini adalah soal yang tidak boleh dibiarkan berlaku spekulasi dan dipermain-mainkan untuk mencari keuntungan.

Spekulasi di dalam Islam adalah suatu perbuatan jenayah yang sangat besar bahkan harus dibunuh orang yang melakukannya. Sebab itu mengazabkan rakyat yang ramai kerana kepentingan segelintir manusia yang mencari kepentingan diri sendiri. Kalau Kerajaan teragak-agak dalam hal ini hanya dengan statement demi statement, berjuta rakyat tidak dibela, tetapi kepentingan beberapa orang di bela, rakyat lama kelamaan akan hilang kepercayaan dan usaha kita untuk menaikkan kembali keyakinan sepenuhnya sampai dapat kita wujudkan National Front di negara kita ini—bocor, bila bocor anginnya tidak lekat.

Tuan Yang di Pertua, dahulu pernah saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini tentang kilang-kilang beras. Saya juga telah menganjurkan supaya diambil alih, sebab petani-petani hanya boleh dibela dengan dinaikkan harga padi menjadi \$300 sepikul tetapi harga beras tentulah menjadi \$14 segantang. Kalau tidak dibela dengan cara menaikkan harga padi, maka pengambilan alih kilang-kilang padi itu akan menjadikan keuntungan yang besar kepada petani-petani, jika mereka diberi peluang membeli saham dengan berhutang melalui perbadanan yang mengendalikan perusahaan perkilangan padi dan beras ini. Tetapi Kerajaan tidak menjawab apa-apa, cuma yang dijawab dari sudut getah seperti yang telah dijawab oleh Menteri Perusahaan Utama, sedangkan saya tidak bermaksud getah itu mesti dinasionaliskan—itu merugikan, yang ada kepentingan rakyat boleh dijadikan hak negara, tetapi yang nampak tidak boleh menguntungkan, tidak perlu, sebab itu akan merugikan kita balik.

Tuan Yang di Pertua, seperti seorang Ahli Dewan ini telah bercakap tadi rakyat di negara kita ini ialah rakyat yang hidup di dalam decade atau tahun tujuh puluhan. Menurut statistik, ada banciaan yang kita telah buat menunjukkan angkatan muda ramai, ertinya mereka ini sedikit sebanyak ada pengetahuan yang tidak buta huruf lagi. Jadi perbezaan terlalu jauh dengan rakyat waktu kita mencapai kemerdekaan. Tahun demi tahun hasil perjuangan kita tambah meningkat kemajuan dan kecergasan rakyat, telah beberapa universiti kita buka, beberapa kolej kita buka menyebabkan keluaran intelek demi intelek tetapi bukan semuanya mendapat pekerjaan-pekerjaan. Oleh kerana mereka tidak mendapat pekerjaan mungkin

mereka terdorong dengan kebijaksanaan, pengetahuan dan kepintaran mereka melakukan sesuatu untuk menghasut rakyat misalnya, katakanlah misalan gula—berlaku kekurangan gula. Dia tahu di belakang sana itu ada gula 4 guni, tetapi gula tidak mahu dijual. Orang-orang yang pintar akan memberi jalan kepada orang-orang yang kurang pintar; rubuhkan kedai ini, rampas gula, kalau perlu, bakar semua sekali. Dia akan diam sahaja kerana dia intelek yang menganggur. Yang kurang intelek ini yang akan mengerjakan ini. Negeri akan kacau-bilau dan ini tidak mustahil sebab ada berlaku dinegeri-negeri lain.

Tuan Yang di Pertua, kenaikan harga-harga barang kerana cukai secara langsung atau tidak langsung yang mengakibatkan rakyat yang miskin bertambah miskin. Pegawai-pegawai Kerajaan mendapat kenaikan gaji. Kenaikan gaji yang hanya \$100 atau \$200 atau \$300 berhadapan dengan kenaikan harga barang menjadi hampir 2 x 5, 5 x 2. Itu bagi pegawai Kerajaan yang tinggi gajinya \$600 ke bawah misalnya. Apa halnya kepada rakyat yang tidak makan gaji, yang menoreh getah, yang menanam padi, yang menangkap ikan di laut, mereka tidak ada increment, tidak ada kenaikan gaji, tidak ada arrears, bagaimana kehidupan mereka? Mereka bertambah miskin dengan kerana kenaikan harga barang hasil dari kenaikan cukai demi cukai. Cukai dinaikkan oleh Menteri Kewangan kita kerana menyambut panggilan atau seruan hendak membangunkan negara kita.

Dalam masa rakyat miskin bertambah miskin segelintir golongan capitalist bertambah kaya. Bermacam-macam kesempatan untuk segolongan kecil rakyat negara kita dapat melakukan untuk menambahkan kekayaan mereka. Yang boleh mendapat keuntungan sejuta sebulan pun ada, yang boleh mendapat \$14 million sampai \$16 millions setahun pun ada, tetapi bukan banyak, segelintir.

Menteri Kewangan kita tahun demi tahun menaikkan sedikit demi sedikit cukai-cukai. Yang tidak kena barang makanan, saya fikir, garam sahaja yang tidak kena cukai. Gula yang mustahak kepada rakyat kena cukai, bawang kena cukai, cabai kena cukai, buah limau kena cukai, habis kena cukai yang kecil-kecil yang rakyat umum hendak makan. Pada hal sumber mencari kewangan bagi

mengisi tabung negara kita ini bukan hanya dari bawang, dari gula, dari cili dan dari benda-benda yang kecil-kecil yang dimakan oleh seluruh rakyat.

Sepatutnya sebahagian daripada barang tidak dikenakan cukai atau dikurangkan cukai, haruslah kita fikirkan sumber-sumber kewangan yang memang banyak boleh di cari.

Misalnya cukai pendapatan, pada pendapat saya, pada tahun-tahun dahulu saya menyatakan dalam Dewan yang mulia ini tidak begitu prektik sebab dia itu diambil dari England sebahagiannya, tidak pada keseluruhannya pula. Potongan-potongan kepada suami, kepada kepala keluarga dan sebagainya tidak prektik dan sesuai dengan negara kita yang masyarakatnya orang Melayu, orang Cina, orang India, orang timur, orang yang beragama, orang yang bertanggung-jawab memelihara emaknya, bertanggung-jawab memelihara saudaranya, bertanggung-jawab memelihara kakak iparnya, kalau kakak iparnya tidak mahu pergi lagi dan anaknya yang ditinggalkan oleh suaminya. Abangnya mati, semuanya ini harus difikirkan tentang beberapa tanggungan yang harus dikira. Ada orang yang bergaji \$2,000 sebulan, \$3,000 sebulan. Lima enam ratus yang dia kena bayar ansuran untuk income tax sahaja. Tetapi orang-orang yang berniaga yang mendapat keuntungan, kita potong sampai 50% kalau sekian-sekian ratus ribu, mengapa tidak kita memotong 90% kalau dia dapat sejuta? Ada orang mendapat \$14 juta kita potong \$7 juta, \$7 juta dia makan tidak habis, kalau kita potong \$13 juta tinggal \$1 juta belum lagi habis untuk dibelanjakan dalam setahun—mengapa kita tidak potong begitu?

Dasar mengenakan cukai mengambil dari mereka yang berada untuk menolong mereka yang tidak berada—itu dasar mengenakan cukai. Membuat pembangunan negara dan menolong negara, menolong rakyat yang miskin (the have-nots) maka negara ini boleh menjadi Negara Kebajikan (Welfare State) dan negara kebajikan itu menjadi cita-cita politik PAS. Itu yang dikehendaki dan wang itu mesti datang daripada orang yang berada untuk menolong orang yang tidak berada. Ini bukan merampas. Sebab kalau dia dapat \$14 juta setahun income diambil \$13 juta misalnya, \$1 juta pun makan tidak habis. Sebab kita berbelanja \$10,000 atau \$15,000 setahun belanja pun

sudah lebih daripada mewah. Jadi kalau ada \$1 juta di tangan dia, apa dia hendak buat, motokar boleh pakai 4 buah lagi.

Tuan Yang di Pertua, kepentingan rakyat mesti difikirkan dengan mengenakan cukai yang patut dan adil.

Cukai mati (death duty). Orang mati meninggalkan harta yang banyak. Ini boleh dipotong, sebab orang yang hidup boleh bekerja lagi, orang yang mati tidak bawa harta, dia tinggalkan semua, boleh dipotong cukai itu untuk dinaikkan lagi bagi kepentingan negara.

Orang membeli rumah untuk jual rumah, Dia berniaga rumah, dia beli \$15,000 tunggu 4 bulan, orang tengah cari rumah, dia mahu jual \$19,500—ini boleh dikenakan cukai, sebab dia untung dengan tidak bekerja. Orang cari peluang membeli saham, bukan semua orang dapat peluang membeli saham. Saya pun kadang-kadang cuba membeli saham tetapi tidak dapat, tetapi ada orang-orang yang dapat membeli saham, dia beli saham pagi, petang dia jual, untung tidak payah bekerja—potong ambil cukainya, negara akan dapat wang.

Ini semuanya peluang-peluang yang difikirkan oleh Menteri Kewangan dan dengan jalan itu tidak payah sangat menyakiti orang-orang miskin yang hendak membeli bawang dengan harga yang mahal, gula dengan harga yang mahal, serba serbi mahal. Boleh dicari—bermillion, beratus million untuk Tabung Kewangan Negara kita dengan tidak menyakiti orang miskin, kemudian boleh digunakan untuk pembangunan dan untuk menjadikan negara kita ini welfare state.

Tuan Yang di Pertua, saya rasa, adalah tidak zalim namanya kita mengenakan cukai kepada mereka yang berada untuk menolong mereka yang tidak berada. Tidak zalim, tetapi adalah adil. Awal-awal cukai yang dikenakan oleh Allah s.a.w. di dalam Islam, mengikut ajaran Islam yang dipanggil zakat; sesudah terbentuk negara Islam di Medina ialah mengambil sebahagian daripada orang yang berada mengikut nisabnya, untuk dibahagi kepada yang tidak berada. Yang tidak berada itu adalah rakyat. Mengambil cukai daripada yang berada untuk menolong mereka yang tidak berada adalah adil dan itulah jalan yang sebaik-baiknya, yang menyelamatkan negara kita daripada perasaan

tidak puas dan tidak senang. Saya ingat satu pepatah Cina, bahasa Cinanya saya lupa—dahulu ingat juga. Dia kata: Kalau yang kaya sudah bertambah kaya, kalau yang miskin sudah bertambah miskin, tunggulah hari. Mengikut istilah, definisinya, ertinya pemberontakan. Kalau yang kaya sudah bertambah kaya, yang miskin sudah menjunam ke bawah, dia akan timbul satu kaedah yang tidak boleh dikawal. Itu kata pepatah Cina.

Dengan tidak payah gembir-gembor semua kita mengatakan, segala usaha yang kita buat, yang sedikit sebanyak ada terbayang dan nampak tidak boleh dinafikan. Akan tetapi matlamat yang kita harapkan itu nampaknya makin jauh, makin jauh hendak tercapai, hendak mendekatkan jurang yang berada dengan yang tidak berada itu makin jauh, oleh sebab-sebab yang kita semua sedar sebagai politician. Kalau benar-benarlah kita ingin melihat kestabilan, perubahan demi perubahan hendaklah dibuat. Perubahan demi perubahan yang saya maksudkan itu ialah mengkaji semula the structure of finance and taxation. Ini yang mesti dikaji kembali. Bukan meneruskan apa yang diamalkan oleh penjajah selama ini.

Apa yang diucapkan merupakan ucapan dasar oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak boleh kita katakan tidak betul dan bilamana anggota-anggota Pembangkang di Dewan Rakyat membangkang. Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab yang beliau lebih tahu, orang itu tidak tahu, saya tidak mengatakan tidak betul, betul mengikut framenya itu, memang betul, tetapi betul mengikut keadah itu, keadah lama, keadah lama itu tidak membuahkanyang baik. Hasilnya rakyat menjerit dan kita mahu kestabilan. Kita mahu menyatukan semua, mengurangkan pertengkaran sesama sendiri, mengurangkan perkelahian sesama kita dan meujudkan National Front yang boleh menyelamatkan negara kita dari ancaman, bukan sahaja dalam negeri, tetapi perkembangan politik di seluruh Tenggara Asia khususnya. Sebab itu mestilah structure of finance, kewangan dan cara mengenakan tax, cara mengenakan cukai ini dikaji kembali bagi kepentingan negara kita. Campakkan, selamat tinggal (good-bye) kepada cara-cara Inggeris yang lama.

Tuan Yang di Pertua, masalah kapitalis, baik dalam negeri atau yang datang dari luar

negeri, mereka hanya memikirkan keuntungan. Kalau nampak untung mereka akan tanam modal. Kalau nampak hendak rugi, dia siang-siang lagi hendak cabut. Kita hendak pergi ke mana, di sini juga kita bersama rakyat yang makan belacan, yang makan cencaluk.

Tuan Yang di Pertua, kerana kekayaan dan kerana ekonomi mereka mencampuri politik atau mendekati orang-orang politik, baik kapitalis dalam negeri ataupun kapitalis dari luar negeri, kerana maksud ekonomi mereka, mereka campur politik dan mereka dekati orang-orang politik. Zaman telah berubah. Penjajahan bentuk lama sudah tidak ada. Mungkin ada lagi akan datang, sebab the history repeats itself, tetapi setakat ini tidak ada. United Nations pun memberi perlindungan, tetapi penjajahan bentuk baharu, penjajahan bentuk ekonomi terasa benar. Sampai di Siam timbul penentangan yang paling hebat daripada organisasi penuntut universiti, menentang penjajahan ekonomi dari Jepun dan negeri kita ini pun ada dan adanya ini akan menyusahkan kita, akan menyulitkan usaha kita untuk menstabilkan kedudukan politik dan ekonomi negara kita sendiri.

Tuan Yang di Pertua, kalau kita ikhtiaran perubahan structure kewangan dan cara-cara mencukai, saya percaya dari sumber-sumber baharu ini akan membolehkan Kerajaan mengurangkan sebahagian cukai-cukai yang dikenakan kepada titik-bengik, yang kecil-kecil macam gula, macam cili, buah limau dan sebagainya kerana sumber kewangan yang lebih besar kita dapat. Jadi dengan sendirinya harga turun dan rakyat akan bergembira. Soal puas hati, mungkin ada selama-lamanya, memang tidak payah mencari satisfaction. Akan tentu ada masalah demi masalah, tetapi dalam soal ini kita dapat mengatasi.

Tuan Yang di Pertua, saya harap Kerajaan membuat kajian yang sedalam-dalamnya tentang apa yang saya syorkan; kaji semula, rubah seluruh structure, kedudukan kewangan kita dan cara mengenakan cukai.

Sekarang ini, Tuan Yang di Pertua, kita mengusahakan, memberi pertolongan, memberi kemudahan kepada rakyat supaya mengambil semua peluang. Misalnya kita latih rakyat yang bekerja dengan Undang-undang mesti masuk tabung Provident Fund. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, siapakah yang

mengatakan wang Provident Fund boleh menolong betul-betul menyimpan dengan hanya beberapa percent faedah yang sama dengan tabung Post Office yang boleh didapati dari simpanan yang hanya sebulan \$4.00 atau \$20.00, yang kemudian sampai umur mereka 55 tahun baharu \$3,000, \$4,000 atau \$6,000, \$7,000 dan \$8,000. Begitu jumlah plus interest 4 persen. Siapa-kah yang mengatakan dari beberapa ratus ringgit saham yang kebanyakan rakyat boleh membeli saham MARA; akan benar-benar menulung rakyat yang kecil-kecil. Lain orang boleh membeli \$10,000, \$15,000 atau \$30,000, dia boleh buat duit, tetapi yang membeli \$100.00 atau \$300.00, berapalah persen dan berapalah sen yang dia boleh didapati. Siapakah yang mengatakan wang yang di dalam simpanan Tabung Haji yang diberi faedah seperti simpanan Pejabat Pos juga boleh menguntungkan dan secara ekonomi kepada penyimpan. Boleh, boleh pergi ke Mekah, tetapi wang Provident Fund menguntungkan Hotel Merlin. Dia pinjam, dia bangunkan, dia buat perniagaan, untungnya bermillion-million dan ini, Tuan Yang di Pertua, patut kita fikirkan kembali.

Dengan adanya Kerajaan Campuran inilah kita patut bersungguh-sungguh memikirkan, kerana PAS mahu sangat teori-teorinya masuk sedikit sebanyak. Sistem banking secara Islam patut kita fikirkan, iaitu bank yang boleh kita namakan Bank Masyarakat.

Seperti baharu-baharu ini ada seorang pelawat dari luar negeri yang datang ke Malaysia menyarankan badan-badan seperti Provident Fund; Tabung Haji, dan orang-orang perseorangan boleh menyimpan wang dan terus dimasukkan sebagai simpanan di dalam bank itu, yang mana penyimpan itu akan mendapat keuntungan yang lebih dari penanaman modal, merupakan perniagaan, tidak kira Islam atau bukan Islam. Semua rakyat berhak mendapat faedah yang sama dalam perdagangan dan perniagaan ini. Saya rasa ini bukanlah satu perkara khayal. Ini boleh dikaji dan boleh diamalkan.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya mengharapkan supaya banyak perubahan dapat dilakukan di dalam decade ini, dalam tahun tujuh puluhan ke atas, dengan saya tidak payah menyentuh walaupun saya ada note beberapa Kementerian, tetapi saya tidak mahu mengambil masa yang terlalu panjang. Bagaimanapun ada dua perkara yang saya ingin sebutkan di sini.

Yang pertama, soal banjir. Ada timbul beberapa pertanyaan mengenai banjir apakah langkah Kerajaan telah ambil, saya hanya memberi pandangan. Banjir yang telah kita alami beberapa tahun yang akhir ini sungguh besar hingga mengakibatkan berjuta-juta kerugian kepada rakyat dan negara.

Mengapa tidak boleh Kerajaan mengirim satu mission kita ke Negeri Cina, pada hal Misi Dagang kita telah pergi ke sana.

Cuba pelajari bagaimana Cina Kominis telah berjaya mengatasi masalah banjir dari sungai Kuning (Yellow River). Sungai Kuning ini membuat bencana pada Negeri Cina bukan dengan meruntuhkan tebing sungai, tetapi dia tebuk-tebuk sungai itu, sekali banjir yang besar dia tidak melimpah ikut tebing, tidak, dia merempuh tanah-tanah dan rumah-rumah hanyut menjadi sungai baharu dan ini telah diatasi oleh Kominis Cina. Mengapa tidak kita pelajari sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w. ada mengatakan:

Utlubul 'ilma walau bis-sin

(tuntutlah ilmu walau sampai ke negeri Cina)

Pergilah pelajari bagaimana cara mereka mengatasi masalah banjir. Bukannya soal agama, tidak, ilmu lain-lain. Jadi, patutlah difikirkan hal ini.

Yang keduanya, kebetulan pula Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada di dalam Dewan kita ini dan saya suka menarik perhatian sebagai perhatian yang terakhir sekali, cuba kaji semula pelajaran sex di sekolah-sekolah. Saya tidak mahu bercakap soal moral dan maruah terlalu banyak hanya ini sahaja—kaji semula, sebab dari apa yang saya dapat tahu budak-budak yang diberi pelajaran dengan wayang gambar bagaimana sexual—perhubungan ini berlaku oleh binatang kemudian manusia ditunjukkan melalui filem dan sebagainya. Biasanya guru-guru muda menjadi pensyarahnya, dimana para murid didalam sekolah yang co-education bercampur-gaul anak-anak kita yang dalam umur 15½ hingga 16 tahun. Pernah berlaku di sebuah sekolah guru yang mengajar muda, budak-budak ini pun dalam lingkungan umur 17 tahun, budak laki-lakinya bertempok—why not make experiment. Budak-budak perempuan tersipu-sipu dan budak lelaki berasa bangga dia kata begitu, tetapi budak-budak perempuan berasa malu, dia tersipu-sipu. Adakah kita rela anak-anak

kita, sepupu kita, anak saudara kita duduk di tempat semacam itu tiba-tiba ada challenge datang, mengapa tidak kita cuba buat satu percubaan. Ini maruah manusia. Kalau Menteri Pelajaran mahu, saya boleh beritahu kemudian. Itulah sahaja.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di Pertua kerana telah memberi saya peluang berucap di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1973 ini.

Saya hendak menarik perhatian Tuan Yang di Pertua. Dalam Dewan Rakyat sewaktu Tunku mengumumkan perletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat, tidak seorang pun mengucapkan terima kasih kepada Tunku.

Di sini saya hendak mengucapkan terima kasih kepada jasa Tunku yang jadi seorang pemimpin kita dan juga jadi Bapa Malaysia dan saya berdoa kepada Tuhan melanjutkan usia Tunku dan juga memberi berkat ke atas kesejahteraan, kemakmuran, keamanan dan keselamatan Tunku waktu beliau ada di dalam mesyuarat kita ini dan juga di dalam negara yang aman sentosa.

Itulah sahaja yang saya hendak sebutkan di sini, jikalau saya hendak bercakap panjang lagi sedikit, saya tak ada masa, tetapi saya hendak minta pandangan yang luas dan lebar kepada Kerajaan kita bagi memberi peluang kepada graduate-graduate Taiwan dan Nanyang. Untuk mendirikan sebuah negara yang baik yang dapat menolong graduate-graduate dari universiti tersebut, yang mana negara kita hari ini sedang membangun, pengetahuan mereka untuk menjalankan tugas-tugas negara adalah perlu pada hari ini.

Kita pada hari ini membelanjakan hampir \$500 seorang untuk pembangunan sebuah negara yang makmur, aman dan sentosa, tetapi saya berharap juga kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk mengkaji semula bagi memberi peluang kepada graduate-graduate kita di sini, warganegara kita mendapatkan pekerjaan di dalam negara kita. Janganlah hilangkan pengetahuan penuntut-penuntut ini, kerana ada setengahnya mempunyai kepandaian dalam bidang sains, ilmu hisab, pertanian dan sebagainya, kerana negara kita boleh mendapat keuntungan yang baik daripada warganegara itu. Adalah

juga diminta supaya Kerajaan menjaga kaum wanita kita oleh kerana mereka adalah berlainan daripada kaum lelaki. Ini ialah berkenaan dengan cukai pendapatan. Saya berharap pendapatan di antara kaum lelaki dengan kaum perempuan akan dapat diasingkan. Dengan ini juga kita boieh menggalakkan pergerakan kaum wanita bergerak maju di negeri ini.

PENANGGUHAN

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Peguan Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

UNIVERSITI—MEMBANYAKKAN

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di Pertua, keadaan politik di Malaysia dalam tahun 1972 ada menerima perubahan yang besar. Tahun 1973 adalah satu tahun yang berjaya bagi menuju ke arah penubuhan National Front. Pemimpin dan berbagai parti yang akan menubuhkan National Front itu telah meletakkan kepentingan negara melebihi daripada kepentingan parti. Mereka berkhidmat untuk kemakmuran dan keamanan bagi Malaysia.

Bagi menjayakan tujuan ekonomi baharu dan membina bangsa kita dan melengkapkan Rancangan Malaysia Kedua, pada masa ini kita berkehendakkan tenaga-tenaga ahli yang mahir dari rakyat kita. Kita dapat mempermajukan negara kita dengan cara yang sempurna.

Pada 21hb November, 1972 Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Datuk Hussein Onn telah memaklumkan iaitu untuk kebaikan negara ini, maka Kerajaan tidak dapat mengiktirafkan kelulusan-kelulusan Universiti seperti Nanyang dan sebagainya. Untuk memajukan negara kita, Kerajaan

telah mengambil tenaga ahli dari negara dan bangsa asing. Mengapa kita tidak mengambil dan menggunakan rakyat kita yang berkelulusan, khususnya keadaan masyarakat Cina di Malaysia ini telah mengalami banyak perubahan, terutamanya sebahagian besar keturunan Cina telah menjadi rakyat dan telah membuktikan yang mereka mempunyai taat setia kepada negara ini.

Ibu bapa mereka telah membelanjakan banyak wang negara kita untuk pelajaran mereka di luar negeri, bila mereka tamat pengajiannya mereka balik ke mari. Mereka semua adajah rakyat negara ini dan mereka mempunyai rasa hati yang serupa, mereka bersedia memberi khidmatnya kepada rakyat dan negara ini, tetapi Kerajaan mengeneppikan. Inilah polisi Kerajaan yang bersetuju dengan sebuah buku yang bertajuk MENUJU KE ARAH KEMERDEKAAN yang menjadi polisi pelajaran Kerajaan, muka 23 ceraihan No. 11 yang berbunyi. "Other universities—the Government will encourage the development of Universities as it considers that the more universities the country has the better for the people". "Lain-lain Universiti—Kerajaan akan menggalakkan perkembangan universiti-universiti seperti dimaksudkan lebih banyak negara ini ada universiti, lebih menafaat kepada rakyat."

Dengan yang demikian, banyak wang yang telah digunakan menjadi binasa dan begitu juga siswa-siswanya telah berdukacita, seperti contoh ialah degri Nanyang Universiti. Saya dengan hati dan perasaan yang iklas berharap iaitu Kerajaan hendaklah memberi timbangan yang serupa bagi semua universiti yang rakyat kita belajar di sana, kerana mereka adalah rakyat negara kita. Beri peluang kepada mereka supaya mereka dapat menunjukkan kebolehnya membina negara kita. Universiti-universiti negara asing boleh menerima rakyat kita belajar, apabila mereka lulus tidak ada sebab kita patut mengeneppikan mereka. Saya dengan iklas berharap yang Kerajaan hendaklah mengiktiraf kelulusan-kelulusan dari universiti ini sebab ibubapanya telah menggunakan wang negara ini untuk menghantar anak-anak mereka belajar di luar negeri. Ini adalah bersesuaian dengan kata-kata masyarakat adil yang telah diucapkan pada tahun lalu.

Bagi mereka yang mempunyai degri, inilah peluang supaya mereka dapat bertanding

untuk memajukan negara ini. Tidak ada orang boleh menapikan yang Malaysia ini mempunyai banyak masaalah-masaalah yang sangat mustahak ialah pengangguran. Jika soalan kelulusan universiti tidak diselesaikan akan menjadikan lebih banyak pengangguran. Ini membuatkan negara lebih masaalah. Sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menggerakkan Polisi Ekonomi Baru dan hendak membina masyarakat adil. Jika masaalah ini belum dibuat pertimbangan dengan sempurna, saya fikir, sangatlah payah kita hendak sampai kepada tujuan kita. Inilah sebabnya saya kata, kita kena mengiktiraf kelulusan-kelulusan yang didapati oleh siswa-siswa kita daripada negeri asing. Mereka akan boleh berkhidmat dan mereka akan menguntungkan negara kita. Tidaklah ada faedah kita mengambil ahli-ahli dari negara asing. Sebenarnya negara kita ada ahli-ahli yang demikian.

Tujuan Kerajaan ialah hendak membina sebuah masyarakat yang bersatu dan membuat masyarakat ini makmur dan sama rata dan progresif. Saya percaya masyarakat Cina yang telah menjadi rakyat kita mereka bersedia memenuhkan sokongan bagi negara ini, khususnya mereka yang balik dengan degri dari luar negeri mereka sesungguhnya faham tanggungjawab kepada negara kita. Andainya Kerajaan dengan saksama menggunakan keahlian mereka, mungkin mereka akan mengambil peranan yang mustahak bagi kemajuan negara dan seterusnya kita dapat selamatkan wang negara daripada pergi keluar. Ini adalah seperti perumpamaan: "Sekali berdayong, dua tiga pulau berlalu".

Tuan Yang di Pertua, rakyat dalam Malaysia sebenarnya bersedia menjadi sebuah masyarakat yang adil dan bersatu. Rakyat yang diam di Malaysia ini bersedia hidup dalam aman. Semoga Tuhan menolong kita semua, dan kita dapat hidup dengan suka hati, aman dan makmur serta teguh.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangannya baru sebentar tadi. Pada hemat saya, maksud ucapan beliau itu ialah pengiktirafan ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan asing, khususnya pengiktirafan ijazah-ijazah dari Universiti Nanyang, Singapura.

Sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam ucapan menggulung perbahasan mengenai Anggaran Belanjawan tahun 1973, di dalam Dewan Rakyat pada 20hb Disember yang lepas, adalah menjadi amalan Kerajaan mengiktiraf beberapa ijazah dan kelayakan daripada beberapa universiti dan institut pengajian. Bagi ijazah-ijazah dan kelayakan-kelayakan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan, nilai (values) adalah diberi.

Berhubung dengan ijazah-ijazah Universiti Nanyang, Singapura, saya telah menyatakan bahawa dalam tahun 1970, sebagai menjawab perwakilan-perwakilan (representations) yang telah dibuat oleh Universiti Nanyang Alumni Association, Kerajaan telah memutuskan bahawa pengiktirafan

tidak boleh diberi kepada ijazah-ijazah Universiti tersebut. Keputusan Kerajaan ini adalah berdasarkan kepada kepentingan negara. Dalam membuat keputusan ini, Kerajaan telah mengkaji perkara tersebut sedalam-dalamnya dari segi keperluan-keperluan akademik, politik, kemasyarakatan dan ekonomi negara kita. Saya berasa duka-cita bahawa keputusan Kerajaan ini adalah tidak berubah.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok, 15hb Februari, 1973.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.